

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**OLEH:**

**MUHAMMAD ADAM MUQHLIS BIN MOHAMAD HANIFF (2020476482)**

**MUHAMMAD NAZMI BIN MD RADZI (2020609058)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2022-FEBRUARI 20**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**ISI KANDUNGAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>M/S</b>
Abstrak .....	7
Penghargaan .....	9
Senarai Singkatan .....	11
1.0 Biodata Penebual	
1.1 Penemubual Pertama .....	13
1.2 Penemubual Kedua .....	14
2.0 Biodata Tokoh	
2.1 Biodata Tokoh .....	17
2.2 Pengenalan Kepada Tokoh .....	19
3.0 Pengenalan	
3.1 Pendahuluan .....	22
3.2 Latar Belakang .....	23
3.3 Permasalahan Kajian .....	23
3.4 Objektif Kajian .....	24
3.5 Persoalan Kajian .....	24

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

3.6	Kepentingan dan Sumbagan Kajian .....	25
4.0	Metodologi	
4.1	Pendekatan Kajian .....	27
4.2	Peserta Kajian .....	28
4.3	Prosedur Pengumpulan Data .....	28
4.4	Carta Gant Projek .....	29
5.0	Tinjauan Literatur .....	32
6.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	
	Bahagian 1: Diri Sendiri .....	37
	Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan .....	42
	Bahagian 3: Pekerjaan Awal .....	46
	Bahagian 4: Persatuan Silat Gayong Negeri Kelantan .....	48
	Bahagian 5: Penglibatan dalam Industri Silat .....	57
	Bahagian 6: Sumbangan .....	88
	Bahagian 7: Anugerah dan Penghargaan .....	92
	Bahagian 8: Harapan/Nasihat .....	98
	Bahagian 9: Penutup .....	109
7.0	Log Temubual .....	111
8.0	Ralat .....	124
9.0	Hasil Kajian .....	126

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

10.0	Indeks .....	130
11.0	Rujukan .....	132
12.0	Lampiran	
12.1	Surat Kebenaran .....	135
12.2	Surat Perjanjian .....	136
12.3	Diari Penyelidikan .....	137
12.4	Soalan Temubual .....	139
12.5	Gambar .....	151

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**ABSTRAK**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**ABSTRAK**

Temubual ini dilakukan bersama jurulatih Seni Silat Gayong Pusaka Negeri Kelantan, iaitu Yang Dipertua Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat. Beliau merupakan seorang seniman veteran yang mahir dalam seni pertahanan diri iaitu Silat Gayong Pusaka. Tujuan utama kami memilih Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat adalah untuk mengetahui sejarah penubuhan Persatuan Silat Gayong Cawangan Kelantan dan juga sumbangan beliau dalam mengangkat seni Silat Gayong Pusaka di mata dunia. Temubual ini dilaksanakan secara bersemuka di rumah kediaman beliau iaitu di Wakaf Bharu, Kelantan.

Tarikh temubual tersebut berlangsung pada 11 Januari 2023, bermula jam 10 pagi sehingga 12 tengah hari. Encik Wan Abdul Halim mempunyai gelanggan silat-nya tersendiri di perkalangan rumahnya, iaitu Pusat Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Negeri Kelantan. Tambahan, beliau pernah melatih dan membawa atlet-atlet mewakili negara dalam bidang tersebut seperti Sukan Sea Singapura pada tahun 1993, Belgium Open Championship pada tahun 2007, Silat Dunia Jakarta pada 1992 dan lain-lain. Encik Wan Abdul Halim ataupun dikenali sebagai Cikgu Wan, bukan sahaja dikenali oleh masyarakat tempatan di negeri Kelantan bahkan di luar negara juga beliau disanjung atas kehebatan beliau dalam bidang ini.

Rujukan Kata : Wan Abdul Halim Wan Mamat, Silat Gayong Pusaka, Temubual

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**PENGHARGAAN**



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya kami dapat menyempurnakan tugas bagi kod IMR604 - Oral Documentation ini dengan jayanya. Dengan kesempatan yang ada ini kami amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Abdullah, selaku pensyarah kami kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melaksanakan tugas yang diberikan dan tidak putus-putus memberi tunjuk ajar kepada kami dalam usaha membantu menyempurnakan tugas ini.

Tambahan, kami turut berterima kasih kepada Encik Abdul Halim Mamat kerana telah meluangkan masa dan memberi kerjasama yang sangat baik sepanjang temubual kami bersama beliau dan banyak berkongsi pengalaman beliau bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Malah kami merasa bertuah kerana mendapat tokoh yang amat mudah didekati.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan juga yang lain atas sokongan dan pandangan secara langsung mekipun tidak langsung sepanjang proses pembikinan transkrip ini selesai. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua, tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Sekian, terima kasih

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**SENARAI SINGKATAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**SENARAI SINGKATAN**

<b>MAMMH</b>	Muhammad Adam Muqhlis Bin Mohamad Haniff
<b>MNMR</b>	Muhammad Nazmi Bin Md Radzi
<b>WAHM</b>	Wan Abdul Halim Bin Wan Mamat

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**BIODATA  
PENEMUBUAL**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**1.0 BIODATA PENEMUBUAL**

**1.1 Penemubual 1**



<b>Nama</b>	Muhammad Nazmi bin Md Radzi
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	Kedah
<b>Alamat</b>	Alor Setar, Kedah.
<b>No. Telefon</b>	
<b>E-mel</b>	
<b>Program</b>	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**1.2 Penemubual 2**



<b>Nama</b>	Muhammad Adam Muqhlis binMohamad Haniff
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	Melaka
<b>Alamat</b>	Kemaman, Terengganu

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

<b>No. Telefon</b>	
<b>E-mel</b>	
<b>Program</b>	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**BIODATA**

**TOKOH**



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**2.0 BIODATA TOKOH**

**2.1 Biodata Tokoh**



<b>Nama</b>	Wan Abdul Halim bin Wan Mamat
<b>Nama Samaran</b>	Cikgu Wan

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Alamat</b>	Wakaf Bharu, Kelantan
<b>No. Telefon</b>	
<b>E-mel</b>	
<b>Bidang</b>	Seni Silat Gayong Pusaka

## **TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

### **2.2 Pengenalan Tokoh**

Nama beliau ialah Wan Abdul Halim bin Wan Mamat. Nama komersialnya adalah Yang Dipertua Wan Abdul Halim Wan Mamat dan beliau digelar Cikgu Wan oleh masyarakat perkampungannya di Wakaf Bharu, Kelantan dan Pok Jik sebagai nama timangan semasa kecil. Hobi beliau ketika zaman muda dahulu ialah bermain bola sepak dan takraw. Beliau telah dilahirkan pada 14 September 1956 di Kampung Kutan Sungai, Wakaf Bharu, Kelantan. Dalam keluarga, beliau merupakan anak sulung. Kini, beliau berusia enam puluh tujuh [67] tahun dan sudah berkeluarga. Beliau merupakan persara guru besar di Sekolah Wakaf Bharu, Kelantan. Isterinya, Puan Suria binti Aziz merupakan suri rumah semasa dalam keluarganya. Hasil perkahwinannya dengan isteri, beliau dikurniakan lima orang cahaya mata yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan dua orang perempuan. Wan Ahmad Syihan, Wan Muhammad Rasfan, Wan Muhammad Salwan, Nur Awanis dan Nur Sharafina merupakan nama-nama anaknya. Beliau juga merupakan atuk-atuk kepada 12 orang cucu.

Pendidikan awal beliau ialah di Sekolah Kebangsaan Kutan, Wakaf Bharu dan kemudian melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Wakaf Bharu. Pada zaman persekolahan beliau di peringkat rendah, beliau aktif dalam bidang sukan bola sepak dan juga olahraga. Setelah beliau meneruskan pelajaran di peringkat tinggi, beliau bergiat aktif dalam Persekutuan Pengakap Malaysia dan gymnastic. Setelah tamat zaman persekolahan beliau pada tahun sembilan belas tujuh puluh tiga [1973), beliau meneruskan pembelajaran di Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur pada tahun sembilan belas tujuh puluh lima [1975] hingga sembilan belas tujuh puluh enam [1976] dimana bermulanya beliau mempelajari seni Silat Gayong. Semasa

beliau berada di Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur, jurusan yang diceburi adalah 'Industrial Art' ataupun dikenali sebagai 'IA'.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Sebelum beliau menjadi seorang jurulatih Silat Gayong Pusaka, guru merupakan pilihan pekerjaan utama beliau pada tahun sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977] di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Nipah, Bachok dan berakhir di Sekolah Pengkalan Kubor 1 pada tahun dua ribu enam belas [2016]. Selama tiga puluh sembilan [39] tahun beliau berada dalam industri perguruan.

Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat bermula mempelajari silat iaitu seni Silat Kampung pada umur enam belas [16] tahun di kawasan perkampungannya dan sambung mempelajari seni Silat Gayong di Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur. Beliau bermula mengajar ilmu Silat Gayong pada tahun sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977] sehingga sekarang. Pada tahun sembilan belas lapan puluh tiga [1983]. Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia ditubuhkan dan beliau merupakan Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong di negeri Kelantan. Terdapat enam [6] cawangan di negeri Kelantan, iaitu di Wakaf Bharu, Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Tanah Kubur dan juga Cawangan Negeri. Bilangan pelajar yang turut serta persatuan ini adalah dalam lingkungan dua ribu [2000] hingga tiga ribu [3000] pelajar di seluruh negeri Kelantan.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**PENGENALAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

### **3.0 PENGENALAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Silat merupakan seni pertahanan diri yang lazim bagi masyarakat melayu di Malaysia mahupun di rantau nusantara. Silat diamalkan di Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei. Silat terbahagi kepada dua iaitu Silat Melayu dan Pencak Silat. Dikatakan silat telah wujud sejak dari abad ke 8 masihi lagi di kepulauan Melayu. Di dalam kajian ini, kami mendalami tentang jenis silat yang lebih spesifik iaitu seni silat gayong pusaka Kelantan.

Salah satu jenis silat yang terkenal di Malaysia ialah seni silat gayong pusaka. Seni ini mendapat sambutan yang luar biasa di setiap negeri sehinggakan setiap negeri mempunyai pertubuhan ataupun persatuan yang tersendiri. Silat gayong pusaka ini telah diamalkan oleh tokoh-tokoh yang terkenal seperti Mat Kilau, Dato Meor Abdul Rahman, dan lain-lain. Dikatakan pada zaman dahulu setiap sultan akan mempunyai panglima yang akan menjaga keselamatan dari segala marabahaya.

Setiap panglima pada masa dahulu akan mempelajari seni silat yang dijadikan asas utama dalam teknik bertempur secara jarak dekat. Hal ini menyebabkan silat berkembang luas kepada masyarakat melayu bagi membela nasib orang melayu daripada terus ditindas oleh orang luar. Jelas, silat memberi kebaikan secara langsung bagi seseorang individu dalam mempertahankan diri di masa terdesak. Seni silat gayong pusaka ini harus dipelihara dan dimartabatkan di masa hadapan bagi mengekalkan adat dan tradisi orang melayu.

Di dalam kajian ini kami telah bekerjasama dengan Encik Wan Abdul Halim Bin Wan Mamat yang merupakan Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Negeri Kelantan. Kami mengambil keputusan untuk meneruskan kajian ini kerana kami berminat untuk menemubual beliau mengenai pengalaman hidup tokoh seni silat gayong pusaka dan bagaimana beliau menguruskan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Negeri Kelantan.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

### **3.2 Latar Belakang Kajian**

Seni silat gayong pusaka sememangnya dikenali di dalam masyarakat Malaysia. Sememangnya, menerusi seni ini lahirnya tokoh-tokoh yang berpengalaman. Tetapi kami memilih untuk menemubual tokoh kami kerana beliau merupakan seorang ahli yang berpengaruh di negeri Kelantan dan juga berpengalaman dalam membawa skuad silat negara dalam bertanding di peringkat antarabangsa.. Beliau juga aktif dalam melatih skuad negara bagi menghadapi pertandingan-pertandingan besar. Di dalam proposal ini kami bercadang untuk mengkaji dan mendalami dengan lebih lanjut mengenai penglibatan beliau dalam bidang ini.

### **3.3 Permasalahan Kajian**

- Di Malaysia, seni silat mendapat pelbagai persepsi buruk seperti masyarakat yang mengaitkan seni pertahanan ini dengan amalan khurafat. Oleh itu, kami ingin memberi perspektif baharu tentang silat demi memartabatkan semula seni pertahanan diri ini.
- Sesetengah masyarakat menganggap seni silat hanya dipraktikkan oleh kaum melayu sahaja dan tidak disambut baik oleh kaum lain.
- Seni silat tidak mendapat sambutan dan tumpuan seperti dahulu disebabkan penubuhan teknologi yang mengalih perhatian golongan muda.
- Seni silat tidak diwawarkan dengan lebih meluas menyebabkan generasi zaman sekarang tidak mengambil kisah mahupun tiada pengetahuan tentang kewujudan silat.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

### **3.4 Objektif Kajian**

- Untuk mempelajari dan menimba ilmu tentang asal-usul Silat Gayong di negeri Kelantan, latar belakang Encik Wan Abdul Halim, teknik pembelajaran silat, keperluan dalam seni silat dan lain-lain
- Mengenalpasti bagaimana seni silat gayong di negeri kelantan dapat bertahan dan disambut baik oleh generasi muda pada masa kini.
- Mengkaji apakah kebaikan dan manfaat seni silat gayong pusaka ke atas individu dan masyarakat umum.

### **3.5 Persoalan Kajian**

Antara persoalan kajian bagi kajian ini ialah:

1. Bagaimana terbentuknya persatuan seni silat gayong pusaka di Malaysia dan bagaimana persatuan ini dikembangkan sehingga adanya cawangan di setiap negeri.
2. Bagaimana seni silat gayong pusaka dapat membentuk disiplin diri yang tinggi kepada seseorang individu.
3. Bagaimana seni silat gayong pusaka dapat mengangkat nama negara di peringkat antarabangsa.
4. Apakah yang dilakukan oleh tokoh silat pusaka gayong dalam mengangkat seni ini sehingga sekarang.



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

### **3.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian**

#### **Kepentingan Kajian**

- Dapat memahami bahawa ajaran seni silat bukan sahaja untuk mengukuhkan kekuatan fizikal bahkan ia juga mampu mempertingkatkan kekuatan mental.
- Masyarakat perlu diberi insentif tentang kepentingan ilmu ajaran Silat. Hal ini kerana, silat merupakan seni warisan negara yang semakin dilupakan oleh masyarakat kini.
- Melalui kajian ini, kami dapat memahami dengan lebih mendalam tentang seni Silat, terutamanya Silat Gayong Pusaka.

#### **Sumbangan Kajian**

- Kajian ini dapat mendorong masyarakat tempatan, terutamanya golongan muda untuk menghayati serta mempraktikkan ilmu Seni Silat dalam kehidupan seharian.
- Seterusnya, terbitan ini bakal membantu masyarakat dalam memberi perspektif yang lagi meluas tentang sejarah penubuhan silat.
- Para masyarakat akan lebih menghargai seni silat dan akan memartabatkan seni pertahanan diri ini di setiap negeri.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**METODOLOGI**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

## **4.0 METODOLOGI**

### **4.1 Pendekatan Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hal ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah temubual, pemerhatian, dokumentasi dan laman sesawang media sosial. Kaedah-kaedah ini dijalankan bagi memastikan data yang diperolehi adalah benar dan tepat.

Pengumpulan data kualitatif diperolehi melalui kaedah seperti temu bual secara mendalam bagi mengkaji tentang Encik Wan Abdul Halim Bin Wan Mamat. Temubual ini menggunakan soalan-soalan yang telah disediakan oleh pengkaji dan jawapan yang diberikan oleh tokoh adalah terbuka dan jujur daripada pengalaman beliau.

Tambahan lagi, kami menggunakan platform media sosial seperti aplikasi facebook bagi mendapatkan maklumat awal mengenai tokoh kami. Melalui maklumat awal ini kami dapat mengetahui tentang aktiviti-aktiviti dan pengalaman beliau dalam industri seni silat gayong pusaka.

Kami juga dibawa oleh tokoh tersebut untuk melihat dengan lebih jelas mengenai bagaimana latihan seni silat gayong ini dilaksanakan. Di kediaman beliau juga mempunyai gelanggang silat yang lengkap bagi menjalankan latihan ini. Kami juga berpeluang untuk mencuba sesetengah teknik-teknik seni silat gayong pusaka yang diajar oleh tokoh tersebut.

## **TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

### **4.2 Peserta Kajian**

Kami memilih tokoh ini kerana beliau mempunyai jawatan yang tertinggi di dalam Persatuan Seni Silat Gayong Pusaka Negeri Kelantan. Beliau telah menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Negeri Kelantan. Beliau juga merupakan seorang yang ramah dan profesional kerana beliau juga merupakan seorang Guru Besar di sekolah di sekitar daerah wakaf baharu, Kelantan. Beliau juga pernah bergiat aktif dalam membawa atlet-atlet silat Malaysia untuk bertanding di peringkat antarabangsa seperti Sukan Sea dan lain-lain.

### **4.3 Prosedur Pengumpulan Data**

Pengkaji terlebih dahulu mencari tokoh seniman menggunakan media sosial di Facebook. Setelah itu kami menjumpai satu profil Facebook iaitu Persatuan Seni Silat Gayong. Kami menghubungi salah seorang ahli persatuan tersebut dan beliau telah memberikan nombor telefon ahli tertinggi di dalam persatuan tersebut. Setelah menyemak nama beliau, masih tidak ada lagi pelajar yang membuat kajian tentang beliau dan bercadang untuk memilih beliau sebagai tokoh kami.

Setelah itu, pengkaji memohon surat kebenaran daripada Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan. Setelah itu, pengkaji juga memohon persetujuan daripada pensyarah iaitu Puan NurulAnnisa Binti Abdullah.

Setelah itu, pengkaji akan menyiapkan soalan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan akan mendapat kelulusan dari pensyarah. Soalan yang akan di wawancara diberikan kepada pensyarah untuk diluluskan setelah mendapat surat kebenaran dari pihak UiTM. Setelah mendapat kelulusan dari pensyarah, pengkaji menyerahkan soalan dan surat kebenaran kepada tokoh melalui "Whatsapp". Tokoh juga memberi kelulusan kepada pengkaji untuk meneruskan sesi temubual tersebut.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Selepas itu, pengkaji membuat janji temu pada 11 Januari 2023 untuk menjalankan temu bual di kediaman beliau iaitu Kota Baharu, Kelantan pada pukul 2 petang sehingga 4 petang. Proses temubual ini dijalankan secara bersemuka

**4.4 Graf Gantt Projek**

Bulan (Minggu)														
	Oktober			November			December				Januari			
Aktiviti	M1	M2	M3	M 4	M 5	M 6	M 7	M 8	M 9	M1 0	M1 1	M1 2	M1 3	M1 4
Pemilihan Tokoh		/												
Abstrak			/											
Proposal					/									

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Persediaan Awal						/								
Soal Selidik						/								
Wawancara								/						
Penulisan Artikel										/				
Penulisan Transkrip											/			
Medium & Rakaman Temubual												/		
Transkrip Lengkap													/	

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

## **TINJAUAN LITERATUR**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

## **5.0 TINJAUAN LITERATUR**

Sejarah adalah kajian masa lalu manusia kerana ia diterangkan dalam dokumen bertulis yang ditinggalkan oleh manusia. Masa lalu, dengan semua pilihan dan peristiwa yang rumit, peserta mati dan sejarah memberitahu, adalah apa yang dilihat oleh orang awam sebagai asas yang tidak berubah di mana ahli sejarah dan ahli arkeologi berdiri. Tetapi sebagai purveyors masa lalu, ahli sejarah menyedari bahawa bedrock itu benar-benar cepat, bahawa cebisan setiap cerita belum diberitahu, dan apa yang telah diberitahu diwarnakan oleh keadaan hari ini. Walaupun tidak benar untuk mengatakan bahawa sejarah adalah kajian masa lalu, berikut adalah koleksi penerangan yang lebih jelas dan tepat.

Menurut *Wix Encyclopedia* (n.d). Komunikasi lisan adalah pertukaran maklumat dan idea melalui perkataan lisan. Ia boleh secara langsung secara langsung dalam interaksi bersemuka atau melalui peranti elektronik seperti telefon, platform video atau radio. Cara yang paling berkesan untuk perniagaan menghantar maklumat secara lisan adalah melalui komunikasi lisan, seperti mesyuarat kakitangan, webinar dan bengkel.

Berdasarkan Oral History Society (2022, March 29). Selama berabad-abad penggunaan sumber lisan dalam memahami masa lalu adalah perkara biasa. Thucydides, ahli sejarah Yunani yang menulis pada abad ke-5 SM, membuat banyak laporan saksi mata Perang Peloponnesian, 'Laporannya', dia mendakwa, 'Saya telah memeriksa dengan seberapa banyak ketelitian yang mungkin'. Ada banyak hal yang mampu terjadi pada sejarah seperti dilupakan, diubah, atau bahkan dihancurkan. Sejarah Lisan adalah cara merakam pengalaman orang-orang yang hidup hari ini, sehingga cerita-cerita tersebut dapat diwariskan kepada generasi mendatang. Ini sangat penting di Malaysia, kerana tidak ada catatan tertulis sebelum abad ke-19. Sejarah Lisan dapat membantu mengisi kekosongan dalam pemahaman kita tentang sejarah Malaysia, dan dapat menjadi alat yang sangat berharga untuk melestarikan memori masa lalu kita.



## **TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Sejarah lisan adalah metod pengajaran yang menggunakan ingatan orang-orang yang terlibat dalam peristiwa penting. Pengumuman ini berharga dalam mempelajari lebih lanjut tentang peristiwa yang saling berhubungan dari perspektif yang luas. Sejarah lisan bersifat unik kerana dapat menghubungkan masa lalu dan masa kini melalui rakaman pengalaman sejarah.

Sejarawan dapat menulis sejarah yang lebih baik jika mereka tidak hanya berfokus pada orang terkenal dan peristiwa besar dari era yang lebih tua. Sebaliknya, mereka harus memberikan penghargaan yang tepat untuk judul yang khusus untuk sejarah Malaysia, serta sejarah negara secara keseluruhan. Sejarah Lisan adalah cara yang baik untuk mengumpulkan cerita dari orang biasa, sehingga kita dapat melacak tradisi mereka meskipun tidak tertulis. Tujuan dokumentasi sejarah lisan adalah untuk membuat catatan atau transkrip dari apa yang dikatakan oleh seseorang yang terlibat dalam topik tertentu. Pewawancara membantu orang tersebut membuat cerita yang bagus, dan menjelaskan peranan penting mereka dalam topik itu.

Berdasarkan *Oral History Association* (n.d). Sejarah lisan adalah cara mengumpulkan dan melestarikan suara dan ingatan orang, masyarakat, dan peserta dalam peristiwa masa lalu. Sejarah lisan lebih tua dari pidato tertulis, dan salah satu bentuk penyelidikan sejarah yang paling modern.

Seni Silat atau Pencak Silat adalah seni bela diri tradisional yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu. Diyakini berusia ratusan tahun dan telah diwariskan dari generasi ke generasi. Guru Silat dikenal sebagai pelatih, dan seseorang yang mewarisi sekolah-sekolah dikenal sebagai Guru Utama sekolah itu. Guru Tua adalah petarung yang sangat dihormati yang telah terlibat dalam seni bela diri sejak lama, dan mereka sering kali menyembunyikan keterampilan mereka. Pesilat yang sangat terampil yang memiliki tingkat silat tinggi disebut prajurit.

Pendiri Perguruan Silat Seni Gayong di Malaysia adalah almarhum Dato' Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Md. Hashim, cucu dari Daeng Kuning. Daeng Kuning adalah salah satu dari lima anak raja Bugis yang mendarat di Tanah Melayu untuk memulai hidup baru. Tempat pendaratan mereka kala itu dikenal dengan nama Pengkalan Aur yang kini lebih dikenal dengan nama Air Kuning,

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Taiping. Yang Mulia terus tinggal di sana sementara yang lain melanjutkan pengembaraan mereka. Daeng Kuning meninggal di Taiping pada tahun 1875.

Silat Seni Gayong terus berkembang pesat di Semenanjung Malaysia di bawah kepemimpinan Dato' Meor Abdul Rahman. Upaya dan pengorbanannya dalam mengembangkan seni bela diri ini didokumentasikan oleh Yang Mulia Seri Sultan Perak dan almarhum Yang Mulia Sultan Idris Duli dan menganugerahkan Penghargaan Darjah Paduka Cula Si Manja Kini (DPCM), sehingga memberinya gelar Datuk. Mendiang Dato' Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Md. Hashem meninggal dunia pada tanggal 23 Juni 1991 di Taiping pada usia 76 tahun.

Di Malaysia, seni pertahanan diri iaitu silat telah dipraktikkan dan dipelajari semenjak abad yang lalu, bahkan pelbagai persepsi buruk yang dilontarkan menyebabkan keyakinan masyarakat terhadap kehebatan seni pertahanan Melayu yang kekuatannya pernah menjadi benteng penting kerajaan lampau, kini semakin pudar. Dengan itu, kajian ini dilaksanakan demi mengubah perspektif masyarakat serta memartabatkan semula seni silat di Malaysia.

Kajian ini merupakan satu kajian untuk mengkaji tentang seorang tokoh khususnya di dalam bidang seni untuk mengetahui tentang latar belakang tokoh silat tersebut dan latar belakang seni Silat Gayong Pusaka. Terdapat beberapa kelemahan ketika kajian di jalankan iaitu pengkaji dikehendaki melakukan kajian tentang jenis-jenis Silat yang terdapat dalam negara ini. Terdapat banyak jenis seni silat yang diamalkan di Malaysia. Pengakhiran daripada kajian ini, kami dapati bahawa Encik Abdul Halim merupakan seorang ahli Silat yang berilmu setelah beliau pernah melatih dan membawa atlet-atlet dibawah pemantauan beliau ke peringkat antarabangsa

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA  
TOKOH**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**6.0 Transkrip Temu Bual Bersama Tokoh**

**TRANSKRIP TEMUBUAL**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni pertahanan diri iaitu seni silat gayong. Bersama- sama kami ialah Encik Wan Ab Halim Bin Wan Mamat yang merupakan seorang seniman warisan veteran yang mahir dalam seni pertahanan diri silat gayong. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 Januari 2023 bersamaan dengan hari rabu pada pukul 2 petang bertempat di kediaman encik Wan Ab Halim Bin Wan Mamat di Kampung Kubang Batang, Wakaf Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Nazmi dan Muhammad Adam Muqhlis. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan

Petunjuk:

WAHWM	:	Wan Abdul Halim Wan Mamat
MNMR	:	Muhammad Nazmi
MAMMH	:	Muhammad Adam Muqhlis

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**BAHAGIAN I: DIRI SENDIRI**

WAHWM : Ya

MNMR : **Okay, mengenai topik yang pertama iaitu berkenaan dengan diri sendiri, boleh encik berikan nama penuh encik?**

WAHWM : Ya, terima kasih Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya Wan Abdul Halim bin Wan Mamat

MNMR : **Adakah encik mempunyai nama samaran?**

WAHWM : (Berfikir Sejenak) Nama samaran ini banyak. Kalau di masa kecik-kecik dulu orang panggil Pok Jik.

MNMR : **Pok Jik?**

WAHWM : Pok Jik ini panggilan keluarga lah. Walaupun kita budak macam itu tapi dia gelar orang tua gitu [macam itu] Pok Jik tapi sekarang panggil Cikgu Wan lah.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR : Siapa yang mula bagi nama samaran?**

**WAHWM :** Cikgu Wan ni (Befikir Sejenak) maknanya kira daripada kalangan sahabat-sahabat, dan juga cikgu jadi dia panggil Cikgu Wan. Takdokya [tiada] mula-mula lah kiranya. Kiranya Cikgu Wan, senang sikit.

**MNMR : Boleh Cikgu Wan bagi, berapa umur Cikgu Wan?**

**WAHWM :** Sekarang saya enam puluh enam [66] tahun, nak masuk enam puluh tujuh [67] tahun lah.

**MNMR : Dimanakah Cikgu Wan dilahirkan dan dibesarkan?**

**WAHWM :** Okay, saya dilahirkan di kampung Kutan Sungai, Wakaf Bharu, Kelantan.

**MNMR : Dan dibesarkan? Daripada kecil?**

**WAHWM :** Saya dibesarkan di kampung Kutan lah

**MNMR : Bagaimana pula dengan pekerjaan semasa Encik Wan?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

- WAHWM : Saya pesara Guru Besar, dulu saya sebagai seorang guru lah
- MNMR : **(Berfikir Sejenak) Dimanakah tempat encik tinggal sekarang?**
- WAHWM : Saya tinggal di, sekarang ni di kampung Kubang Batang, Wakaf Bharu, Kelantan.
- MNMR : **Boleh kami tahu encik anak yang ke-berapa dalam keluarga?**
- WAHWM : Saya anak sulung, kalau daripada bapak dan anak bongsu daripada ibu. Masa yang pertama itu, anak sulung lah daripada satu bapak dan anak bongsu daripada satu ibu. Macam mana nak kira tu? (Ketawa)
- MNMR : **(Ketawa)**
- MAMMH : **(Ketawa)**
- MNMR : **Adakah encik.. Cikgu Wan mempunyai hobi pada masa lapang?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**WAHWM** : Hobi saya dulu bola sepak lah tapi dah meningkat usia ni, haa dulu bola sepak, takraw saya main lah dan di samping seni pelihara diri iaitu silat sebagai agenda utama saya lah dan sekarang saya hanya membantu.. apa mengajar lah dan membantu anak-anak mengajar lah di gelanggang dan di sekolah-sekolah dan kita ada di gelanggang di rumah saya ni, Gelanggang. Gelanggang nama dia adalah Pusat Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Negeri Kelantan.

**MNMR** : **Okay, beralih ke soalan ke-sembilan [9], yang iaitu adakah encik telah berkahwin?**

**WAHWM** : Dah sudah berkahwin seorang baru, yang anak mempunyai lima [5] orang. Tiga [3] lelaki dan dua [2] orang perempuan.

**MNMR** : **Siapakah nama isteri Cikgu?**

**WAHWM** : Suria binti Aziz.

**MNMR** : **Adakah isteri encik mempunyai kerja tetap ataupun merupakan seorang suri rumah?**

**WAHWM** : Sebagai suri rumah semasa.



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR : Boleh encik kongsi nama-nama anak encik?**

**WAHWM :** Anak saya tadi lima [5], lima [5] (Berfikir Sejenak) Wan Ahmad Syihan, Wan Muhammad Rasfan, Wan Muhammad Salwan, Wan Nur Awanis dan Wan Nur Sharafina.

**MNMR : Adakah Cikgu Wan mempunyai cucu?**

**WAHWM :** (Berfikir) Setakat ini dua belas [12] orang cucu.

**MAMMH : Wuishh (Perasaan Kagum)**

**WAHWM :** Jadi atuk-atuk kepada dua belas [12] orang cucu. (Sambil Ketawa)

**MNMR : (Ketawa)**

**MAMMH : (Ketawa)**

**MNMR : Boleh kongsi sikit (sedikit) mengenai cucu Cikgu Wan?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

WAHWM : Cucu saya yang (Berfikir Sejenak) sulung baru darjah empat [4] lah, yang (Berfikir Sejenak) daripada dua belas [12] tu, sepuluh [10] orang lelaki

MAMMH : sepuluh [10] lelaki?

WAHWM : Ha ah dan dua [2] perempuan.

MNMR : *Hero-Hero*

**BAHAGIAN II: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

MNMR : **Ok, sekarang kita beralih ke bahagian B iaitu mengenai latar belakang pendidikan Cikgu Wan. Dimanakah Cikgu Wan mendapat pendidikan peringkat awal.**

WAHWM : Di kampung lah iaitu di SK Kampung Khutan Wakaf Baharu sehingga darjah enam dan lepastu melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah iaitu di SMK Wakaf Baharu (di Wakaf Baharu jugaklah).

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR** : **Bagaimana pula dengan pencapaian terbaik Cikgu Wan di peringkat sekolah?**

**WAHWM** : Saya pelajar biasa sahaja, malah dikategorikan sebagai pelajar sederhana, tidak cemerlang dan tidak terlalu (orang panggil apa) tidak bawah lah sederhana saja di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

**MNMR** : **Adakah Cikgu Wan bergiat aktif dalam kegiatan akademik dan sukan?**

**WAHWM** : Di sekolah memang saya aktif, di sekolah rendah saya aktif bola sepak dulu tak banyak permainan dulu sukan, paling cekap bolasepak dan olahraga. Jadi saya masuk olahraga sekolah rendah, masuk sekolah menengah saya tidak bersaing dari segi fizikalah (orang lain besar dulu sekolah rendah tak apalah tak beza sangat) sekolah menengah ni saya bergiat dalam bidang pengakap dan bidang gimnastik. (Pernahlah saya lompat api tu gelung api tuh, *box box* lompat tinggi tuh pernahla). Tapi masa tu saya paling kecillah dalam team gimnastik. Kalau kita buat piramid saya yang atas sekali.

**MNMR** : **(Ketawa)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR : Gimnastik tu wakil sekolah atau macam mana?**

**WAHWM :** Masa itu tak ada pertandingan lah. Hanya sebagai aktiviti kegiatan sekolah. Mungkin peringkat lain ada pertandingan. Di sekolah saya tak ada, pencapaian tu tak ada yang menonjol setakat main rojoh-rojoh, guling-guling biasa sajalah.

**MNMR : Ok, adakah Cikgu Wan telah bergiat aktif dalam seni silat gayong semenjak dari sekolah rendah?**

**WAHWM :** Peringkat sekolah tetapi tidak di sekolah. Peringkat umur sekolah lah. Masa tingkatan empat, saya belajar silat kampung dengan tok guru saya orang panggil Almarhum Al-Mulah, Tok guru Ismail. Silat kampung lah, lepastu saya sambung di Maktab Perguruan Teknik dalam silat gayong tadi pada tahun tujuh puluh lima<sup>[75]</sup> dan tujuh puluh enam<sup>[76]</sup> Maktab Teknik.

**MNMR : Adakah Cikgu Wan melanjutkan pengajian selepas tamat peringkat sekolah menengah.**

**WAHWM :** Ya, selepas itu, saya tamat sekolah menengah tujuh puluh tiga <sup>[73]</sup> (ambil spm) pastu tujuh puluh lima <sup>[75]</sup> masuk Maktab Teknik Cheras, Kuala Lumpur. Di situlah saya belajar silat gayong.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MAMMH : Tuan dulu sekolah Cheras Kuala Lumpur?**

**WAHWM : Haah, dipanggil MPT**

**MAMMH : Sebab saya sekolah Sains Alam Shah**

**WAHWM : Jiran lah tu. Pastu ada MPNK.**

**MAMMH : Sekolah Sains Selangor pon ada juga dekat situ.**

**WAHWM : Sekarang dah bandar dah, dulu pokok kemunting jah dulu hutan.**

**MNMR : Jauh merantau**

**WAHWM : (Ketawa) Iya**

**MNMR : Boleh kami tahu jurusan apa yang diceburi?**

**WAHWM : Saya dulu bahagian teknikal iaitu dulu dipanggil IA( Industry Art) ataupun seni perusahaan, sekarang ditukar kepada reka cipta. Selepas perusahaan**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

dipanggil kemahiran hidup kemudian reka cipta yang terbaru tak tahu dah ni (ketawa). Rasanya reka cipta lagi.

**BAHAGIAN III: PEKERJAAN AWAL**

**MNMR** : **Ok, kita beralih kepada bahagian C iaitu pekerjaan awal Cikgu Wan.**

**WAHWM** : Saya *start* dengan guru lah. Saya mula mengajar tahun tujuh puluh tujuh [77] di SMK Bachok sekarang SMK Nipah Bachok Kelantan.

**MNMR** : **Boleh kami tahu berapa lama Cikgu Wan dalam industri perguruan?**

**WAHWM** : 39 tahun 9 bulan. Start daripada di SMK Bachok dan berakhir di SK Pengkalan Kubur satu [1] pada dua ribu enam belas [2016].

**MNMR** : **Tahun bila Cikgu Wan mula jadi seorang guru?**

**WAHWM** : (Berfikir Sejenak) Sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977]

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR** : **Adakah Cikgu Wan memiliki kemahiran ataupun bakat lain selain seni mempertahankan diri?**

**WAHWM** : Saya juga pernah masuk karate tapi tak banyaklah sebabnya saya tengok ia lebih kurang sama dengan seni bela diri ini, cuma cara penyampaian dia sedikit berbeza. Matlamatnya sama sajalah. Tomoi pon saya belajar tapi asas saja. Belajar asas sajalah *basic-basic* jah. Selain dari silat kampung, tomoi sikit-sikit tapi tak masuk gelangganglah belajar secara tak rasmi sebagai bela diri dan silat gayong.

**MNMR** : **Memang ada cikgu tomoi lah dulu?**

**WAHWM** : Tak-tak. Saya belajar pon bukan secara serius. Yang seriusnya dalam silat gayong.

**MNMR** : **Adakah Cikgu Wan masih menceburi bidang tersebut ataupun Cikgu Wan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap silat gayong.**

**WAHWM** : Saya, sejak saya mengajar sekolah tahun sembilan puuh tujuh [97] saya telah mengajar silat. Sampai sekarang masih lagi mengajar silat. Silat Gayong lah. Di samping itu, kita mengajar untuk pertandingan. Sukma,

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Peringkat Antarabangsa, Sukan Sea, peringkat dunia saya terlibat semua itu.

**BAHAGIAN IV: PERSATUAN SILAT GAYONG NEGERI KELANTAN**

**MNMR** : Okay, seterusnya mengenai persatuan Silat Gayong Negeri Kelantan. Saya serahkan kepada rakan saya, iaitu Muhammad Adam Muqhlis.

**MNMR** : Mintak maaf (Befikir Sejenak), saya lagi (ketawa)

**MNMR** : Kami nak tanya mengenai Persatuan Silat Gayong Negeri Kelantan.

**WAHWM** : Ya

**MNMR** : Boleh kami tahu, pada tahun bilakah persatuan ini ditubuhkan?

**WAHWM** : Nama penuhnya Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia. Dia banyak (banyak) silat Gayong ni. Jadi kita ni Pertubuhan Seni Silat



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Pusaka Gayong Malaysia yang barunya sama juga dengan Datuk Meer Rahman bin Daim Muda Rashim, Allahyarham. Dan sekarang Silat Gayong Malaysia ini dibawah Datuk Raja Abdul Najib bin Mohamad Isa, di Gurun Kedah. Dia guru utamalah, dia panggil Pendeta Utama Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia, dan di Kelantan saya sebagai Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Pusaka Malaysia Negeri Kelantan. Negeri Kelantan, kita ada enam [6] cawangan, iaitu (Bertikir Sejenak) Wakaf Bharu sendiri, Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Kubur, (Bertikir Sejenak) apalagi? Ada lima [5], Tanah Merah. Enam [6] dengan Cawangan Negeri lah.

**MNMR : Boleh encik kongsi sejarah penubuhan Seni Silat Gayong Negeri Kelantan?**

**WAHWM :** Dulu saya dibawah Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia, bukan Pusaka. Semasa di maktab dulu, Maktab Pengajian Teknik saya dibawah perguruan Gayong Malaysia. Dia lain ya, Gayong Malaysia, Pusaka Gayong Malaysia. Jadi, bila pertubuhan Pusaka Gayong Malaysia, sejak selepas sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977] dan rasa lebih kurang awal lapan puluh [80] an, penghubung saya di Selangor Allahyarham, Cikgu Razali Salleh bersama saya lah sebab dia sibuk masa itu, jadi beliau cakap “Cikgu Wan urus Kelantan”. Jadi kita nak orang yang lebih tinggi daripada kita, membantu kita. Masa itu sayalah, diantara lah, bukan seorang, diantara yang tinggi. Maka tiada tempat untuk kita rujuk, untuk menambah ilmu. Maka ada sahabat saya, yang ada hubungan

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

dengan Kedah, iaitu Cikgu Majik orang panggil. Jadi kita berbalik kepada Kedah, jadi Kedah ini Pusaka, maka kita pun tubuh Pusaka lah. Kita nak ada orang yang lebih hebat daripada kita, kita ini, setakat kita, kita boleh ajar ilmu. Maka kita kena cari alternatif cari Tok Guru yang lain Pusaka Gayong juga. Tetapi masa itu, Gayong Malaysia kita tidak daftar lagi, kita bergerak di atas nama Majlis Silat Sekolah-Sekolah. Bila dengan Pusaka, kita mula berdaftar pada tahun lapan puluh tiga [83]. Daftar dengan nama Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Negeri Kelantan. Jadi itu sejarah dia lah, kita bukan ada masalah dengan Gayong Malaysia, takdok (tiada), dia sibuk nak urus kita, dia lepas kita gitu (begitu).

**MNMR** : **Boleh kami tahu pada tahun bila Cikgu Wan *join* persatuan?**

**WAHWM** : Saya (Befikir Sejenak) Gayong ni semenjak tahun tujuh puluh lima [75] di maktab, bila tukar tadi, pada lapan puluh tiga [83] berbalik kepada Pusaka Gayong Malaysia.

**MNMR** : **Sampai sekarang?**

**WAHWM** : Sampai sekarang masih lagi aktif

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR** : **Bagaimana pula dengan bilangan pelajar yang sedia ada di dalam persatuan ini?**

**WAHWM** : Kalau kira puluh-puluh ribu lah, tapi yang ada yang aktif, yang tidak aktif, ataupun yang memberi sokongan moral sahaja. Tapi yang terbaharu ada dalam dua [2], tiga [3] ribu lah. Cuma kita tidak *check* lagi yang terakhir untuk tahun ini lah. Kita pernah menjangkau tujuh puluh [70] lebih gelanggang di sekolah dan empat [4], lima [5] gelanggang di luar termasuk sinilah. Disini dipanggil Pusat Negeri Kelantan.

**MNMR** : **Yang gelanggang itu, persatuan ini yang bagi dana untuk buat ataupun?**

**WAHWM** : Dok (Tidak), sebab gelanggang di sekolah ini dibawah persatuan sekolah lah, gelanggang di luar bergerak dengan persatuan masing-masing lah. Jadi hasil kitanya daripada yuran-yuran yang ada yuran pendaftaran, tahunan dan juga bulan-bulanan. Yuran bulan-bulanan itu hok (yang) jurulatih. Yuran tahunan dan yuran pendaftaran untuk pertubuhan negeri cawangan, dan pusat. Kita ada pembahagian dia lah. Dia takdok (tiada) dana kecuali kita buat program, kita minta lah dana dekat siapa-siapa.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR** : **Boleh Cikgu Wan kongsi kan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Persatuan Seni Silat Pusaka Gayong Negeri Kelantan?**

**WAHWM** : Di samping kita buat latihan mingguan kepada ahli-ahli di gelanggang masing-masing, kita juga ada buat kursus-kursus, kempen yang berpusat atas nama pertubuhan negeri ataupun atas nama cawangan ataupun nama sekolah masing-masing. Aktiviti yang negeri buatnya, biasanya kita buat ujian tali pinggang, perlimau tapak atau dimaksudkan penerima ahli baharu lah, yang itu urusan negeri. Maknanya kalau dia nak buat, dia gabung tiga [3], empat [4] sekolah dalam dua ratus [200], tiga ratus [300] orang, ataupun dia buat di sekolah masing-masing dari empat [4] negeri, sayalah yang diperlimau untuk *pickup* sekolah-sekolah tapi kalau kita kumpul ramai kita akan panggil Pusat turun dimana Raja Abdul Najib sendiri bersama rombongannya turun. Itu kebiasaan yang kita buat lah. Jadi aktiviti dalam persatuan ini sangat banyak lah, terlibatlah dengan pertandingan sekolah-sekolah, eh pertandingan dalam penubuhan. Kita bila nak menyertai pertandingan sama ada dianjurkan oleh Diperkasa Kelantan ataupun Majlis Sukan Negeri Kelantan, maka kita buat pemilihan dahulu dalam pertubuhan kita. Sebab tak silap kita ramai, kalau pesilat yang lain-lain dia ambil jah (sahaja). Kita ramai, kadang-kadang tiga [3] ratus pesilat terutamanya di peringkat sekolah-sekolah yang remaja. Jadi kena buat pemilihan di peringkat pertubuhan negeri. Kemudian, kita menyertai juga pertubuhan pertandingan peringkat Pusaka Kelantan, gabungan silat-silat Kelantan untuk memilih wakil negeri Kelantan ke peringkat Kebangsaan. Begitu juga dalam pertubuhan kita, kita pilih juga untuk mewakili negeri Kelantan atas

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

nama pertubuhan kita, menyertai kejohanan terbuka yang dianjurkan oleh negeri-negeri ataupun badan-badan silat luar daripada Kelantan. Atas nama pertubuhan kita, dia ada dua [2] lah, satu dia akan pergi atas nama pertubuhan dan satu lagi akan pergi di atas nama Pusaka Kelantan. Jadi aktiviti lain, misalnya ada majlis keraian ataupun jemputan-jemputan kenduri kahwin, persembahan, demonstrasi dan sebagainya. Jadi aktiviti kita melibatkan pesilat kita di peringkat negeri sama ada remaja, dewasa dan sekarang usia di peringkat sekolah rendah, dan juga kita terlibat dengan Sukma, Sukan Malaysia di samping itu pesilat kita juga terlibat dengan aktiviti yang dipanggil Sukan Sea, setiap tahun lah InsyaAllah kita akan ada Sukan Sea dan juga Silat Dunia, Asean dan sebagainya. Jadi di Kelantan, kita diantara silat yang sangat aktif melahirkan pesilat-pesilat bertaraf dunia.

**MNMR : Antara yang terhebat lah (Dengan Perasaan Kagum)**

**WAHWM : Ya**

**MNMR : Adakah persatuan ini dibuka kepada umum ataupun mempunyai kriteria tertentu?**

**WAHWM : Kita buka umum tetapi kita bukan berdasarkan kepada perkauman, tapi orang yang Islam. Cina boleh masuk tetapi Islam. Sebab kita ada bacaan Quran, bacaan Quran itu bukan sahaja sebagai ilmu batin, misalnya kita**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

nak buka gelanggang kita baca Al-Fatihah, selawat ke atas Nabi, jadi orang Cina tahu cuma Cina Islam boleh, India Islam boleh, Asal negeri lain ada India muslim. Jadi boleh dikatakan Melayu jelah (sahaja lah) Kelantan ini. Sebab tiada Cina muslim yang masuk tetapi kita buka tapi bukan sebab perkauman. Tapi ada orang kata tidak boleh silat Gayong, sebab perkauman. Takdok (Tiada), tiada masalah boleh masuk Cina tapi sebab kita ada baca ayat-ayat tadi, jangan salah faham lah itu bukanlah sebagai ilmu kebal ataupun apa-apa takdok (tiada). Sebagai, dipanggil apa (Berfikir Sejenak) kalau dulu kita buka gelanggang di kampung-kampung, dulu pendekar banyak jadi kita minta melalui bacaan doa supaya latihan kita selamat daripada santau-santau, ke gapo (apa), bola api yang dulu-dulu tapi sekarang sudah takdok (Tiada) tapi kita berwaspada. Berwaspada, kita baca Al-Quran semua sekali kita minta doa supaya latihan kita selamat. Jadi banyak yang ditafsirkan silat Gayong mengamalkan amalan-amalan yang tidak betul. Jadi pertubuhan silat terutamanya Silat Gayong yang telah didaftarkan dengan JPN telah disemak dengan pihak JAKIM. Maknanya diluluskan dari segi amalan-amalan dia. Itu sahaja lah kalau panjang sangat memang tiga [3] jam lah (ketawa)

**MNMR** : (Ketawa)

**MAMMH** : (Ketawa)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

- MNMR** : Itu yang kami nak
- MNMR** : Okay, kita beralih kepada logo Silat Seni Pusaka Gayong Negeri Kelantan
- MNMR** : Boleh Cikgu Wan ceritakan apa maksud naga dalam logo tersebut?
- WAHWM** : Naga ini maknanya binatang yang hebat lah di lautan, jadi kita ambil aura dia lah. Kita bukan (Berfikir Sejenak) berfokus kepada dia, dok (Tidak), aura binatang yang hebat masa dahulu tapi naga itu wujud ke dok (Tidak) Wallahualam (Ketawa)
- MNMR** : (Ketawa)
- WAHWM** : Tapi kita ambil naga sebab naga binatang yang hebat di lautan, maknanya kalau kita berada di lautan, kita hebat. Kita kena yakin kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, baru boleh kita berjuang seperti naga di lautan. Itu maksudnya, jangan kita takabur sebab kita ada lagi yang besar di atas, cuma kita lambang kita sahaja seperti logo di sekolah tapi jangan salah tafsir lah, naga sebagai binatang hebat di lautan. Maka kita ambil aura dia sahaja, bukan naga itu kita nak, dok (Tidak), jadi bila kita ada di lautan kita hebat, kalau di darat rimau ataupun singa. Itu maksud dia,

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

maksudnya hebat. Kita berserah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kita yakin.

**MNMR : Bagaimana pula dengan dua [2] keris bersilang?**

**WAHWM :** Keris itu sebagai senjata hulubalang Melayu silat, sebagai senjata kita lah. Sebenarnya, kita banyak senjata keris, rantai, pisau, tongkat, pedang, kita tidak bubuh semua lah. Kita ambil beberapa item senjata yang boleh dijadikan lambang.

**MNMR : Bagaimana dengan lambang bulan dan bintang?**

**WAHWM :** Bulan Bintang itu sebagai Islam lah, tanda silat berpandu kepada amalan Islam pastu (Selepas itu) ada orang kata apa pantang larang silat. Ada kaitan dekat situ, dalam silat tiada, atas orang islam itu sahaja. Orang yang tidak sembahyang bukannya berdosa kepada silat, dosa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Tapi kita sebagai jurulatih silat menasihati melalui silat. Kadang-kadang (Befikir Sejenak) Tok Lebar yang pakai sereban bertingkat-tingkat pun nasihat kita tidak dengar, tapi kadang budak kecil nasihat sahaja “Pak Cik Sembahyang lah” “Eh Malu Aku Budak Nasihat” kita sembahyang kerana Allah bagi melalui budak-budak tadi. Begitu juga kita tadi, kita sembahyang bukan kerana silat, bukan sembahyang kerana Cikgu Wan tapi melalui. Jadi maksudnya pantang larang tidak ada dalam silat, iaitu pantang larang Islam adalah



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

pantang larang kita. Jadi kita sembahyang, kena puasa dan sebagainya.  
Gitu (Begitu) ke? Boleh ke? (Ketawa)

**MNMR : Bolehh**

**MAMMH : Bolehh boleh**

**WAHWM : Tiada masalah lah cuma kita ini orang bukan lebar nak cakap-cakap bab-bab ini (Ketawa). Santai jelah**

**BAHAGIAN V: PENGLIBATAN DALAM INDUSTRI SILAT**

**MAMMH : Sebelum kita beralih ke topik yang seterusnya jemput dulu Cikgu Wan untuk minum.**

**WAHWM : Tak apalah, saya baru lepas minum. Insyallah boleh lagi.**

**MAMMH : Saya memperkenalkan diri saya, saya Muhammad Adam Muqhlis**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**WAHWM** : Muhammad?

**MAMMH** : **Muhammad Adam Muqhlis Mohamad Haniff. Untuk bahagian D  
iaitu penglibatan dalam industri silat. Boleh encik kongsi di  
mana encik mempelajari seni mempertahankan diri**

**WAHWM** : Yang mana ni? Yang silat gayong? (Bingung)

**MAMMH** : **Ya, silat gayong**

**Telefon berbunyi.....**

**Angkat saja tak apa.**

**Cikgu Wan menjawab panggilan.....**

**WAHWM** : Kita buat santai saja kan (Ketawa). Ok sambung.

**WAHWM** : Saya mula belajar silat gayong ini di Maktab pada tahun tujuh puluh  
lima [75] dan tujuh puluh enam [76] dua [2] tahun di Maktab Teknik

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Perguruan Kuala Lumpur. Iaitu bernama Pertubuhan Seni Silat Gayong  
Malaysia

**MAMMH ; Adakah encik pernah mengikuti seni pertahankan diri lain selain dari silat gayong?**

**WAHWM ;** Saya pernah iaitu karate dan juga silat kampung tadi. Dan juga sedikit asas tomoi. Sedikit saja asas saja.

**MAMMH : Apakah yang membezakan silat gayong dengan silat lain?**

**WAHWM ;** Dari segi matlamatnya sama iaitu bela diri. Tapi mungkin cara dia saja. Kita bagi ibaratlah seperti buah-buahan. Matlamat semua untuk makan. Tapi mungkin rasanya lain dan begitu juga silat mungkin cara tangkapannya mungkin berbeza ataupun seni-seni. Sebab itulah seni silat ini dipanggil seni . Banyak cara-cara tangkapan yang tidak ada pada bela diri terutama bela diri asing tapi sekarang sudah ada saya nampak. Saya tak kata dia tiru kita. Tapi mungkin dia ada buat kajian semula. Jadi seni bela diri silat melayu ini terutama silat gayong berpaksikan kepada kunci-kuncian, buah-buah dan sebagainya yang akhirnya apabila kita buat itu memang *out* lah (pengsan) . Sebaptu masa kita berlatih kita tak buat betul kita buat benda yang asas sahaja. Sebab kalau kuncian, kalau buat betul-betul boleh *out* (pengsan) namanya dipanggil sebagai kunci maut, pukulan maut. Jadi itu bezanya antara silat melayu dan silat-silat

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

lain. Yang lain pom hebat juga. Ada cara dia tadi. Rambutan ada sedap dia, durian pon sedap jadi silat A pon sedap silat B pon sedap. Kita tak boleh kata Silat A hebat, silat B tak hebat. Faham tak?. Yang hebatnya orang itu.

**MAMMH : Faham (angguk tanda setuju)**

**WAHWM : Semuanya bergantung kepada orang itu. Dia duduk di mana pon kalau dia hebat, Insyallah dia akan jadi hebat. Sebaptu tengok apabila kita bertanding di peringkat kebangsaan, peringkat dunia tengoklah tak ada silat A bolot semua kategori hebat diani tak ada Indonesia bolot semua kategori. Indonesia kalau kita tengok filem dia memang hebatlah bila kita tengok. Tapi tidak dalam silat boleh ke Vietnam pon ada, boleh ke Malaysia pon ada. Jadi tidak ada satu silat yang dapat mengatakan bahawa dia itu hebat. Cuma perbezaan tadi cara permainan dia itu berbeza masing-masing.**

**MAMMH : Selain daripada seni silat gayong, boleh encik kongsi seni silat apa lagi yang ada?**

**WAHWM : Maksudnya?**

**MAMMH : Jenis silat lain yang ada? Yang encik tahulah.**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**WAHWM** : Banyaklah. Kalau di Kelantan ni kita ada seni silat terlompat, seni gayong tadi kita seni silat gayong pusaka Malaysia dia gayong Malaysia saja, seni silat halilintar, seni silat tunggal, itulah yang aktif di Kelantan ini. Kalau di luar banyak pengkalan cekak, seni silat lincah, beratus-ratuslah kalau nak sebut. Cuma di Kelantan tak banyak yang ada yang disebut tadi jelah.

**MAMMH** : **Kiranya sampai beratus jugaklah.**

**WAHWM** : Kelantan yang aktif dengan kita sikit ja, yang di luar banyak. Tapi yang bergabung dengan dipanggil gabungan seni silat Kelantan atau pusaka Kelantan mungkin dua belas [12] sahaja. Itu pon yang aktif bertanding lima [5] ke enam [6] sahaja.

**MAMMH** : **Boleh Cikgu Wan kongsi jenis seni silat apa yang Cikgu Wan mahir selain silat gayong.**

**WAHWM** : Saya selain daripada silat gayong, silat kampung itulah. Tapi saya dah tinggal lama lah sebab tok guru pon tak ada dah. Tapi saya still bawa pusaka gayong Malaysia.

**MAMMH** : **Apa yang menyebabkan Cikgu Wan meminati bidang ini?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**WAHWM** : Itu soalan yang bagus. Saya masa masuk Maktab dahulu, saya diantara yang kecil. Bila saya masuk mula-mula ada orang lama yang kata kepada saya awak ni kecil macam mana nak masuk silat. Saya kalau besar keretaapi langgar tak jatuh saya tak masuk silat dah, kalau bas langgar tak jatuh. Yang kecil pon belajar silat. Banyak orang kecil yang kena buli. Orang besar pon kena buli. Orang besar kena buli tak apalah dia boleh *defence* lagi. Kita orang kecil?

**MAMMH** : **Faham-faham.**

**WAHWM** : Tak boleh buat apa dia letak lengan pon dah tak boleh buat apa-apa. Kita walaupun kecil atau besar, tak kira perempuan ataupun lelaki harus belajar silat. Sebab silat ini adalah bela diri. Di Samping sebagai warisan bangsa. Tapi kalau warisan bangsa mungkin tak ada kepentingan diri. Tapi kalau untuk bela diri untuk kita. Sebab banyak kes-kes yang berlaku sekarang ini rogol, culik dan sebagainya terurama yang besarlah kalau culik budak tak boleh buat apa lah. Kalau yang besar ni kalau kita ada bela diri Insyallah, jika diizinkan Allah berkat kita belajar kita boleh melepaskan diri. Begitu juga orang masuk rumah, orang Kelantan kata nak geroh (nak melawan pencuri) awak kelate ka ni?

**MNMR** : **Kedah**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**WAHWM** : Qada dan Qadar lah InsyaAllah kita bolehlah melawan orang masuk rumah kita walaupun dia menggunakan senjata sekalipun. Pistol pon boleh. Tapi kena dekatlah kalau jauh tak boleh buat apa. Dia letak kat pinggang kita kata jangan bergerak letak dekat kepala InsyaAllah kalau diizinkan tadi. Kalau kita tak di qada dan qadar untuk mati kerana tu melalui senjata tadi boleh kecuali tuhan kata kamu mati tak boleh buat apa dah tu dipanggil qada dan qadar. Jadi kita ikhtiar kita belajar silat untuk menjaga diri kita, keluarga kita, bangsa dan agama. Kalau untuk warisan tu orang panggil bukan untuk kita, untuk kita jugak tapi dia secara tak langsung. Kalau untuk kita secara langsung. Untuk warisan bagi yang tak belajar silat dia akan kata buat apa warisan?. Tapi kalau untuk orang yang ada kepentingan dia akan kata ini untuk warisan bangsa budaya melayu, adab melayu. Bagi sesetengah orang tu, dia tak kisah warisan dah, ikut dialah nak belajar taekwando pun. Orang macamni bukan tidak bagus tapi dia tidak memilih ataupun berpihak kepada warisan bangsa. Itulah dia.

**MAMMH** : **Seterusnya, adakah Cikgu Wan mempunyai pengalaman manis ketika menuntut ilmu dalam seni pertahankan diri silat gayong?**

**WAHWM** : Dalam silat gayong ini banyaklah, terutama apabila saya berpeluang sendiri belajar dengan Mahaguru saya iaitu Dato Paduka Meor Abdul Rahman bin Uda Mohd Hashim pada tahun 97. Itu kenangan manis lah. Di peringkat generasi sekarang tak sempat. Kita sempat belajar dengan tok guru lama selain daripada Dato Meor ada Dato Ahmad Lazim, Cikgu

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Awang Daud yang masih ada lagi, Dato Dr Razi Abdul Majid sekarang ini jadi kita berpeluang belajar dengan orang lama. Tapi generasi sekarang tidak berpeluang. Jadi itulah kenangan manis saya bersama dengan Dato Meor di tempat dia iaitu di Air Kuning, Taiping, Perak.

**MAMMH : Seterusnya, siapakah yang memainkan peranan di dalam pembabitan Cikgu Wan dalam bidang ini?**

**WAHWM :** Bagi saya, saya sendiri. Tidak ada galakkan daripada keluarga. Saya minat sendiri. Saya minat sendiri dari kecil sejak dari silat kampung dan di Maktab ada silat saya nak masuk. Tapi bila sekarang ini, ramaila yang berikan galakkan. Sahabat-sahabat, keluarga. Tapi pada peringkat awal tak ada galakan hanya diri sendiri.

**MAMMH : Sudah berapa tahun Cikgu Wan bergiat aktif dalam bidang silat?**

**WAHWM :** Sejak tahun tujuh puluh tujuh [77] sampai sekarang masih lagi walaupun telah pencen.

**MAMMH : Bolehkah encik kongsi tentang sejarah silat gayong di negeri Kelantan?**



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

WAHWM : Di Kelantan kita bermula pada tahun sembilan belas lapan puluh tiga [1983]. Tapi di Kelantan sebelum saya di Maktab lagi telah ada seni silat gayong iaitu masa Cikgu Awang Daud yang buka di Kota Bharu. Masatu saya tak terlibat lagi. Itu peringkat awal, lepas Cikgu Awang Daud marilah Cikgu Ahmad Lazim yang juga di Kelantan. *Sorry-sorry* Cikgu Ahmad Lazim dulu baru digantikan Cikgu Awang Daud tak silap saya tahun tujuh puluh enam [76] lebih kurang gitu lah. Saya sempat jumpa dia, masatu saya duduk Maktab. Tapi ketika itu saya tak terlibat lagilah dalam menjadi jurulatih. Selepas Cikgu Awang balik maka kosonglah guru utama di Kelantan. Guru yang hebat maka cikgu-cikgu yang lain tu bergerak sendiri misalnya cikgu-cikgu di Bachok, Cikgu Mansor di Melor dan ada anak-anak buah dialah. Itu saja. Tapi apabila saya balik di Kelantan dari Maktab empat orang sahabat saya ahli silat yang menjadi jurulatih, saya, Cikgu Hamzah mengajar anak saya di Bachok, Cikgu Jauzah di Rantau Panjang, Cikgu Noraini Md Ripin perempuan di Pasir Mas, Cikgu Abdullah Sopar di Maktab Sultan Ismail Kota Bharu. Kita bergabung empat orang ni maka kita tubuh majlis jurulatih sekolah-sekolah dan kita panggil orang lama tadi yang anak murid Cikgu Awang tadi. Panggil-panggil bincang kita buat majlis jurulatih di Kelantan. Masatu tidak rasmi lagi. Tahun lapan puluh tiga [83] barulah kita tubuh, tadi ada kisah tadi kait dengan silat gayong Malaysia ada kisah yang mereka melepaskan saya untuk bergerak sendiri, maka kita tubuh pada tahun lapan puluh tiga [83] dengan nama pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Negeri Kelantan. Kita bersama dengan orang lama-lama ini. Sebab kita baru, jadi tak boleh sebab tak ada pengalaman lagi. Nak mengajar boleh nak bentuk pertubuhan di negeri

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

kita bersama dengan orang lama tadi yang masa itu Gayong Malaysia. Tertubuh dan kita bermesyuarat di SIC(Sultan Ismail College) dan menubuhkan gabungan orang lama dan orang baru untuk menggerakkan silat gayong di Kelantan seterusnya atas nama Pusaka Gayong Negeri Kelantan. Dan sekarang masih lagi atas nama Pusaka Gayong dan orang lama banyak dah yang tak ada. Dua [2] orang dah mati. Sorang sebagai penasihat kita dan saya sebagai YDP bersama jurulatih-jurulatih saya bergerak di seluruh negeri Kelantan ini. Kalau dulu mungkin sampai dekat-dekat tujuh puluh [70] lebih ke lapan puluh [80] gelanggang. Tahun ni kita tak *check* lagi.

**MAMMH : Kirannya di seluruh Kelantan?**

**WAHWM :** Ya, seluruh Kelantan, kita ada Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Kuala Krai dan Pasir Puteh.

**MAMMH : Cikgu Wan sendiri pernah melakukan persembahan silat seperti di majlis-majlis tertentu?**

**WAHWM :** Dahulu saya ada di hotel lepastu masatu saya dah berumur dah. Kita lepas kepada anak buah jelah di majlis merdeka tiga puluh satu [31] Ogos dan lain-lain lah.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MAMMH : Cikgu Wan pernah ada tak kenangan pahit dalam menceburi bidang silat?**

**WAHWM :** Saya tiada pengalaman pahit sebab saya, bergerak secara rasmi yang tiada cabaran atau dugaan daripada mana-mana pihak. Sesetengah orang tu bila dia silat dia ada cabaran tapi kita pergi dengan keadaan merendah diri. Kita buka silat di mana-mana dalam keadaan merendah diri. Barulah orang tak boleh cabar. Jadi ada sesetengah itu, kalau kita nak angkat diri orang nak uji kita. Jadi saya tak adalah cabaran-cabaran yang lain kecuali kalau ada pertandingan adalah murid-murid kita tu yang biasa lah cedera. Itu kita rasa terkilan walaupun kita telah ajar cara mengelak kecederaan. Macam pemain bola lah cikgu ajar dah tapi bila berlaku ada cedera patah. Jadi silat pon macam tu jugala ada patah ada tengeliat tapi kalau boleh kita taknak berlaku macamtu. Jadi kita cuba buat sebaik mungkin tapi Allah yang menentukannya.

**MAMMH : Bagi pendapat Cikgu Wan berapa lama nak ambil masa untuk mahir dalam seni silat gayong?**

**WAHWM :** Dalam silat gayong sebenarnya tidak ada tempoh masa. Dia macam akedemik jugak. Ada UPSR, PMR, SPM, STPM, Diploma, Ijazah, MA, dan PHD. Dalam silat pon macam tu jugak. Dalam silat kita ada tali pinggang putih. Yang putih mungkin enam [6] bulan ujian peringkat pertama. Peringkat UPSR lah peringkat kedua pon mungkin enam [6]

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

bulan juga tali pinggang hijau dan seterusnya tali pinggang merah, merah kosong, merah calit, kuning dan hitam. Yang ini tempoh tidak ada masa berapa. Cuma di dalam Kelantan kita ada buat garis panduan nak ambil hitam mesti kuning pegang tiga tahun baru boleh ambil hitam. Kalau ambil kuning tahun ni tahun depan nak ambil hitam tak boleh sebab tak ada pengalaman lagi. Dalam silat kita juga ada jangka masa dia supaya tidak terlalu mudah nak dapat tali pinggang hitam macam taekwando. Sekolah rendah pon *black bealt* contoh jadi kita tak nak macam tu. Sebab kita nak bila pakai tali pinggang kita dapat menguasai ilmu tali pinggang tadi.

**MAMMH : Adakah seni ini masih mendapat perhatian daripada masyarakat penduduk tempatan?**

**WAHWM :** Bagi saya dia bertambah meningkat minat dan sokongan penduduk tempatan lebih-lebih lagi lepas keluar filem Mat Kilau. Kadang-kadang sekolah nak buka itu kita tak ada jurulatih dah. Tak cukup jurulatih. Sepatutnya semua sekolah ada silat, tapi kadang-kadang tak cukup dan kita tak mampu. Jadi kita buat setakat mampu ja lah.

**MAMMH : Boleh Cikgu Wan kongsi bagaimana masyarakat tempatan kalau nak menyertai seni silat gayong.**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

WAHWM : Dia belbagai-bagai cara. Yang pertama di peringkat sekolah. Kalau di sekolah maka makluman ada di sekolah tadi. Kita ada persatuan silat sapa nak masuk boleh. Tapi sekarang ini kita melalui *Whatapps* jelah. Kalau ada latihan kita melalui group-group *Whatapps* untuk belajar silat.

MAMMH : **Betul, sebab sekarang memang senang hantar *Whatapps* ja**

WAHWM : Iya, lagi senang sekarang ni

MAMMH : **Lepastu nak tanya kalau dari segi yuran berapa dikenakan?**

WAHWM : Yuran kalau biasa dulu sepuluh [10] tapi sudah naik dah sekarang ini yuran tahunan dan juga yuran pendaftaran. Yang biasa sepuluh [10] ringgit dan yuran pendaftaran lima belas [15] ringgit rasanya. Itu bayaran kitalah. Yuran bulanan bergantung kepada rundingan dengan pihak jurulatih dan pusat latihan macam sekolah-sekolah.

MAMMH : **Seterusnya adakah seni pertahankan diri silat gayong memerlukan alatan-alatan tertentu?**

WAHWM : Memang dari segi alatan memang kena ada. Kalau yang lepas sekolah kita kena ada tongkat, pisau, keris, lembing, parang panjang dan

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

sebagainya. Tetapi di sekolah kita tak benarkan senjata bagi silat saya. Kita tak benarkan senjata tapi yang keluar yang baru ini boleh bertanding senjata dah sekolah rendah pon boleh. Tapi senjata kayu. Dulu kayu pon tak boleh. Maknanya sekarang ni boleh dahla tapi bagi kita sebenarnya di sekolah menengah dan rendah tidak pernah pakai senjata. Tapi di gelanggang bolehlah. Tu pon kita pilih-pilih. Sebab bila ada pertandingan dia akan pakai senjata betul bukan kayu kalau pertandingan bawah pusaka tapi pertandingan di bawah satu sekolah ataupun satu kementerian kena kayu. Dulu tak boleh, kayu pon tak boleh. Mengikut kepada keadaan arah semasa daripada KPN ataupun JPN. Tapi alat-alat lain bergantunglah kepada gelanggang tadi. Misalnya dia ni aktif dalam bidang apa, macam sini kita aktif dalam olahraga. Maka peralatan dia, peralatan silat olahraga. Punching bag, ball guard, body protector, dan lain-lain. Tapi dalam perguruan tak ada alatan-alatan tu. Ada dua tadi perguruan dan juga untuk pertandingan. Perguruan biasa ja lah kalau alat untuk pertandingan yang macam saya sebut tadi.

**MAMMH : Adakah Cikgu Wan mempunyai pendapatan sebagai seorang ahli seni silat gayong?**

**WAHWM : Maksudnya pendapatan mana?**

**MAMMH : Pendapatan macam gaji.**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**WAHWM** : Tidak, kita hanya bergerak secara sukarela. Kalau ada pon ujian tadilah. Kalau pendapatan bulanan tidak ada. Kita bukan kerajaan yang bayar. Kita hanya dengan pesilat tadi yang bayar yuran bulanan.

**MAMMH** : **Boleh Cikgu Wan ceritakan mengenai teknik-teknik yang ada di dalam silat gayong?**

**WAHWM** : Dia kalau teknik-teknik tu dia payah nak cerita. Dia panggil kalau sukatan pelajaran dia peringkat pertama dia panggil asas tapak. Asas tu kita nak menumbuk dan menyepak. Nak menumbuk kena ajar mengengam dulu. Itu dia panggil ansur maju. Cara nak genggam, cara tumbuk, cara tangkis, cara sepak itu peringkat awal. Pergi pada yang kedua pulak mungkin kita ada kuncian, pukulan dan main senjata begitulah sampai ke tali pinggang hitam. Sampai kita main lembing, main parang panjang, main keris kalau peringkat sekolah kita kosong saja. Dalam kosong itu kita ada pukulan, kunci mati dan pentas. Pentas maknanya dia kunci kita buka kunci tu. Benda tu jadi macam demonstrasi lah. Kalau ada orang kunci kita kita buka kuncian dia. Itu kita panggil pentas. Itu teknik dia.

**MAMMH** : **Pada pendapat Cikgu Wan adakah kanak-kanak sesuai menceburi seni silat gayong?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**WAHWM:** : Sekali lagi? (Keliru)

**MAMMH** : **Adakah kanak-kanak sesuai menceburi seni silat gayong?**

**WAHWM** : Ya, sepatutnya. Ibarat kata “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Seeloknya masa kanak-kanak lagi. Tapi kita mengajar dia mengikut kesesuaian fizikal dia. Kalau dia buat tak jadi pon tak apa. Kita bina dia sikit-sikit ansur maju. Tak boleh dari masuk tu nak sampai molek terus seperti cina mengajar gimnastik. Tak mampu. Cina ni bapa dia nak buka kangkang ni menangis kuat. Tengok main pingpong sambil menangis. Pernah tengok video? Kita kalau menangis balik bapa hello ke JPN. Kita ni sensitif. Seabtu kita tak boleh ajar terlalu berat. Sepatutnya dari sekolah rendah dah kena start. Sikit-sikit sakit peha marah selalu. Tapi ada juga yang bagus, ada yang bagus. Tapi kita tak boleh macam itulah. Kalau ajar kena semua. Jadi kita pergi ke ansur maju. Sepatutnya peringkat sekolah rendah lagi. Ajar asas silat dia mengikut kemampuan dia. Jadi ibu bapa serah kita contohlah budak darjah satu suruh awal-awal lagi suruh cikgu ikut. InsyaAllah kalau dilatih boleh jadi pesilat yang baik. Sebab apa daripada darjah satu. Dia tak buat kita tak marah. Cuma jangan bergurau. Sebab apa sebab kita tak boleh tekan-tekan budak-budak. Itulah dipanggil kalau disebut halangan kita masih lagi tidak sesuai untuk mengajar silat seperti cina mengajar gimnastik, cina mengajar pingpong tak mampu lagi kerana mungkin ada kesan terhadap



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

ibu bapa yang marah. Nak belajar silat tapi anak menangis dia marah. Sebab itu cina berjaya dalam gimnastik dan pingpong.

**MNMR** : Setuju (Angguk tanda setuju)

**MAMMH** : Nak tanya Cikgu Wan ada tak ahli baru yang sudah berumur contoh macam umur tiga puluh [30] lebih yang baru masuk silat?

**WAHWM** : Tak ramailah, tapi ada yang berminat. Tapi kita kena asingkan latihan. Dia tak boleh campur. Macam teakwando dia campur sekali. Jadi minda dia lain. Minda orang melayu kita malu nak belajar dengan budak sebab minda kita begitu. Minda orang cina bagus. Saya pernah tengok orang tua ada budak pun ada. Kita masatu tua dah tiga puluh [30] lebih. Jadi minda dia lain. Belajar ilmu tak kira siapa. Tapi orang melayu tak boleh sekali dengan budak payah buat pasangan. Tak mampu nak handle orang yang berumur kalau tak ramai. Kalau nak campur sekali boleh tapi taknak pula dia. Ini juga termasuk dalam halangan tadi kenapa kita tidak boleh ramai orang dewasa tidak terlibat.

**MAMMH** : Adakah Cikgu Wan pernah menyertai pertandingan silat?

**WAHWM** : Saya tidak banyak berjaya dalam silat, saya peringkat kebangsaan sahaja. Tapi saya dapat melahirkan pesilat yang bertaraf dunia walau

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

saya tidak bertaraf dunia dan saya juga pernah menjadi jurulatih Malaysia dalam peringkat dunia, Sukan Sea pernah walaupun kita tidak juara. Macam sekarang baru-baru ni dia nak ambil yang juara-juara. Masa dulu tak kisahlah, anak murid kita ramai maka dia pilih kita. Anak murid kita Kelantan ramai dia pilih kita sebagai jurulatih Kelantan. Anak murid kita ada di peringkat kebangsaan ramai wakil ke Silat Dunia, dia ambil kita untuk jadi jurulatih Malaysia untuk Silat Dunia dan Sukan Sea. Sukan Sea sempat dua kali, dunia sekali di Jakarta tahun sembilan belas sembilan puluh dua [1992]. Sukan Sea tahun sembilan belas sembilan puluh tiga [1993] dan juga dua ribu sebelas [2011] terakhir dan Open Championship tahun dua ribu tujuh [2007] di Singapore dan di Belgium. Lepastu ada lagi lah yang bertaraf Asia Tenggara. Walaupun saya bukan bertaraf dunia, tapi dia nak jurulatih yang faham silat. Itu bagus. Maknanya dari segi pengalaman dia. Tapi bagi saya, tidak semestinya juara dunia dapat mengajar silat dan melahirkan pesilat bertaraf dunia tak semestinya. Sebabtu dia panggil bakat kita itu semulajadi. Bakat itu kita tua dah, kita tak dapat dia panggil membuat pergerakan yang susah-susah masa kita tua dah. Nafas pon sempit dah. Jadi tak mampu bersaing dengan orang muda di peringkat kebangsaan. Tapi kita boleh mengajar, boleh membentuk pesilat yang kosong sehingga sampai ke peringkat dunia dan dapat pingat di Sukan Sea dan sebagainya.

**MAMMH : Boleh Cikgu Wan kongsi tentang peraturan-peraturan silat yang umum?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**WAHWM** : Peraturan umumnya, yang pertama kita kena nak masuk gelanggang kita kena buka gelanggang. Baca Al-Fatihah sekali Qulhuallah tiga kali, selawat tiga kali. Tujuannya, kita memartabatkan Al-Quran dan minta jauh daripada gangguan-gangguan jin dan syaitan ataupun orang-orang yang nak khianat kepada kita. Peraturan lainnya dalam gelanggang kita tak boleh meludah. Kalau kita buka sini, katakan padang. Padang ada taik lembu ni tapi dia terbuka dalam gelanggang tu tak boleh meludah. Bukan berdosa, sebabnya kita nak berguling, nak pijak, nak menyepak kena air liur balik. Bagi saya bila saya saksi itu balik, ianya untuk kita jugak supaya gelanggang kita tak kotor. Peraturan tadi untuk diri kita sendiri juga dan kita tak boleh bercakap, bergurau. Kenapa kita tak boleh bergurau? Melalaikan kita. Kita tengah buat tiba-tiba patah sebab bergurau. Yang fokus pon boleh tercedera apatah lagi buat sambil bergurau. Itu peraturan kita tak boleh bergurau semua tu berbalik kepada kita juga. Peraturan ini yang sepatutnya mesti diikuti oleh semua pesilat-pesilat untuk diri sendiri dan juga keselamatan.

**MAMMH** : **Pada pendapat Cikgu Wan adakah seni silat gayong memerlukan disiplin yang tinggi?**

**WAHWM** : Memang itu sepatutnya semua silatlah tak kiralah semua silat. Disiplin ini bukan sahaja silat. Semua sukan, lebih-lebih lagi sukan yang tempur ataupun dipanggil combat memerlukan disiplin yang amat tinggi. Gimnastik juga perlu disiplin. Kita perlukan fokus tu sebab apa disiplin. Fokus kepada latihan kalau tidak yang pertama kecederaan. Yang kedua

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

kita tidak mengikuti ajaran tok guru atau jurulatih bagi. Mesti fokus mesti disiplin. Kita sebagai orang silat kita tak boleh menggunakan ilmu silat untuk menganiaya orang lain. Kita lebih kepada kesabaran dan menunggu bukan kita menjual. Silat kita banyak yang menunggu itulah disiplin kita. Jadi kita belajar untuk menjaga diri kita. Orang silat yang betul tidak akan mendabik dada dia adalah ahli silat yang penuh berilmu dan berdisiplin. Sebab silat mengarah kepada mendisiplinkan diri. Belajar silat makin banyak makin disiplin.

**MAMMH : Dalam kajian kami pertandingan silat mempunyai beberapa jenis kategori. Boleh Cikgu Wan terangkan dengan lebih mendalam.**

**WAHWM :** Pertandingan yang pertama dari segi umur. Kalau sekolah rendah darjah empat [4], lima [5], dan enam [6] kita panggil peringkat dini. Sekarang kita tambah lagi peringkat pra-dini darjah tiga [3] ke bawah. Darjah 1 pon ada tapi berlatih sesama dia lah. Lepastu ada peringkat pra-remaja dia ada tingkatan satu [1], dua [2] dan tiga [3]. Kemudian peringkat remaja iaitu tingkatan empat [4], lima [5], dan enam [6]. Itu bagi sekolah menengah. Dan peringkat umur Sukma tujuh belas [17] hingga dua puluh satu [21] tahun. Kategori dewasa adalah tujuh belas [17] hingga ke atas adalah tiga puluh lima [35] hingga empat puluh lima [45] tahun biasanya. Ada juga veteran empat puluh lima [45] hingga enam puluh [60] tahun itu bergantung kepada penganjur. Dia ada kategori umur. Kategori pertandingan pula dia ada silat seni dan silat olahraga. Berbalik kepada silat olahraga jatuh kepada kategori umur tadi. Dia ada kelas

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

A,B,C dan seterusnya. Itu peringkat dewasalah atau Sukma ke atas. Dia juga ada kategori berat. Kalau remaja dalam tiga puluh sembilan [39] kilogram dan naik lagi empat [4] kilo sehinggalah seterusnya. Pada peringkat dini mungkin bezanya hanya dua [2] kilo sahaja. Itu adalah dari segi kategori berat dan sebagainya. Kalau silat seni pula dia ada solo kreatif, jurus tunggal, tempur, juru wajib. Selain daripada itu boleh rujuk buku saya tu.

**MAMMH : Cikgu Wan boleh kongsi kategori atau kelas yang Cikgu Wan pernah ceburi?**

**WAHWM : Saya dulu kelas A iaitu empat puluh lima [45] ke lima puluh [50].**

**MAMMH : Adakah anak-anak Cikgu Wan juga minat dalam bidang ini?**

**WAHWM : Anak saya lima [5] orang, semua wakil negeri dan seorang wakil Malaysia. Anak nombor dua tadi Wan Ahmad Rasfan pernah wakil Malaysia. Sukan Sea lepas dia pernah main, silat dunia dia pernah main. Dia cedera putus urat ligamen jadi terpaksa tarik diri.**

**MAMMH : Ligamen bahagian?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

WAHWM : (Berfikir sejenak) Bahagian tangan.

**MAMMH : Boleh Cikgu Wan kongsi adakah Cikgu Wan pernah cedera dalam mengamalkan seni silat gayong?**

WAHWM : Setakat ini Alhamdulillah, tak ada cedera yang beratlah. Setakat sakit urat itu biasalah.

**MAMMH : Boleh Cikgu Wan terangkan kebaikan mempelajari seni silat gayong?**

WAHWM : Kalau kebaikan dia kita boleh pergi ke matlamat dia. Matlamat dia tadi adalah untuk bela diri kita, kesihatan kita, kemudian kita kata awet muda boleh juga sebab kita cergas. Lepastu kebaikan dia bagi pada yang minat bertanding. Yang nak bertanding boleh bertanding. Minat bertanding ada kebaikan dia. Jadi sijil pertandingan itu, seperti Sukma sangat laku. Budak saya dua tiga orang mintak universiti walaupun hanya cukup syarat kelayakan saja tapi berbekalkan dia pesilat Sukma, bekas pesilat negeri Kelantan wakil negeri jadi dia dapat. Kadang-kadang dia ada laluan kepada atlet-atlet sukan. Yang tadi ada yang dapat UPNM, UPSI atas nama tiket silat iaitu sijil silat Sukma. Jadi itu, kebaikan dia bagi saya kalau boleh bolasepak lagi bagus lah. Orang yang aktif sukan dan juga silat ada peluang masuk Universiti jika lepas syarat minima.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Kebaikan lain adalah untuk bela diri. Esok-esok kalau suami nak jaga anak bini. Kalau perempuan yang belajar nak jaga suami. Perempuan jaga suami sebab suami tak belajar silat.

**MAMMH** : (Ketawa)

**MNMR** : (Ketawa)

**WAHWM** : Sebab itu saya cerita kepada budak-budak, esok awak jaga suami awak.

**MAMMH** : (Ketawa)

**MAMMH** : Selain daripada itu, boleh Cikgu Wan kongsi tentang keluasan gelanggang silat?

**WAHWM** : Bagi saya kawasan ibu dia adalah empat puluh [40] ke tiga puluh [30] tapi kita tak sambung dah. Sebelah sana lima belas [15] banyaklah sambung. Kalau kita buat pertandingan tu memang tak muatlah. Kalau remaja dulu pernah sampai tiga ratus [300] orang. Baru ni kita buat kita nak *limit* seratus [100] orang sahaja. Anjuran belia dipanggil Program Sibuliga silat.

**MNMR** : Anjuran persatuan?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

- WAHWM : Anjuran dari pejabat belia dan sukan Tumpat tapi kita yang mengurus.
- MAMMH : **Adakah kerajaan negeri Kelantan sering mengadakan festival kebudayaan bagi mengangkat seni silat gayong kepada masyarakat umum?**
- WAHWM : Kalau secara spesifik rasa tak ada silat ni banyaknya silat pulut. Tapi bawah majlis negeri tu adalah. Dia ada majlis-majlis maka dia akan jemput kita. Kerajaan negeri ni terutamanya waktu merdeka, mereka mintak untuk sertai perbarisan ada juga. Tapi kebanyakannya yang menganjurnya bukan kerajaan negeri tapi salah kita pertubuhan yang tidak mengajukan permohonan. Jadi kita mungkin lemah dekat situ lah yang tidak buat program yang melibatkan kerajaan negeri. Jadi bagus juga cadangan itu pada masa akan datang insyaAllah boleh buat festival seni silat. Di Kelantan memang kurang di negeri lain memang banyak. Awak asal mana?
- MAMMH : **Saya Terengganu.**
- WAHWM : Terengganu memang hebat. Festival kita pergi festival monsun kepakaran dia ada untuk buat kertas kerja dan juga mengajukan kepada kerajaan negeri. Kita Kelate setakat ini tak ada yang besar yang kecil-



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

kecil tu adalah. Yang kerajaan buat kita sertai. Yang kita buat tak berapa banyak lagi. InsyaAllah akan datang.

**MAMMH** : **Kalau ada festival kebudayaan itu akan datang apakah aktiviti-aktiviti yang dilakukan?**

**WAHWM** : Salah satunya silat. Saya AJK majlis perdana negeri Kelantan, jadi kita boleh buka pelbagai gabungan majlis di negeri Kelantan. Contoh wau. Sini main wau. Dua [2] hari kita buat. Main wau di pantai Keting, silat di sini, taekwondo ikutlah. Kita boleh atur ikut kategori. Kalau boleh setempat kita buat setempat. Mungkin boleh buat. InsyaAllah.

**MAMMH** : **Adakah dalam mempelajari seni silat gayong mempunyai pantang larang?**

**WAHWM** : Macam saya kata tadilah, kita tidak ada pantang larang. Pantang larang tadi dalam pantang larang islam saja. Silat kampung banyak pantang larang. Untuk kita tak ada pantang larang. Kita tak sembahyang kita berdosa bukan silat berdosa (ketawa). Walaubagaimanapun, sebagai orang islam dan saya jurulatih orang islam maka kita kena nasihat anak murid kita. Tanggungjawab kita juga. Walaupun kita ni kecil, ore (orang) tok guru mengajar di masjid ilmu bab agama kita pon mengajar silat tapi kita selit juga. Sembahyang asar dohko (dah ka) ni macamtu. Kalau lewat ok boleh balik dah jangan tunggu sekarang pukul enam [6]

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

dah pergi balik sembahyang asar kalau nak sembahyang sini takpo (tak apa). Jadi begitulah dipanggil kita membantu melalui silat.

**MAMMH : Pada pendapat Cikgu Wan jenis silat yang paling banyak dipelajari oleh masyarakat penduduk Kelantan. Biasanya jenis silat apa?**

**WAHWM : Kalau sekarang ini pusaka gayong atas semua sekali.**

**MAMMH : Gayong lah?**

**WAHWM : Haah sekarang ini lah. Sebab kita sudah ada lebih tujuh puluh [70] buah sekolah.**

**MAMMH : Seluruh negeri Kelantan?**

**WAHWM : Ya, seluruh negeri Kelantan. Yang lain pon ada dalam lima [5], sepuluh [10], lima belas [15] tapi yang lain pon ramai jugaklah. Tapi kalau mengikut rekod kita pesaka Kelantan kitalah yang ramainya.**

**MAMMH : Seterusnya, adakah Cikgu Wan masih mahu mempelajari jenis silat yang lain selain seni silat gayong?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

WAHWM : Saya tak minat dah. Sebab bagi saya sudah cukup dah dengan umurnya sekarang ni. Rasa ingatan pun kurang dah. Kalau belajar pun hari ini ingat esok lupa dah.

MAMMH : **(Ketawa)**

MNMR : **(Ketawa) Fokus mengajar saja sekarang ni.**

WAHWM : Haah (Mengiyakan)

MAMMH : **Boleh encik kongsikan tentang tingkatan bengkung dalam seni silat gayong?**

WAHWM : Dalam silat bila kita masuk mula-mula tu kita biasa saja dipanggil ahli biasa. Dipanggil tali pinggang hitam biasa. Itu bukan tali pinggang ujian orang panggil tali pinggang seluar. Baru kita uji pertama tali pinggang putih mungkin enam [6] bulan bergantunglah pada gelanggang tadi kalau dia buat dua [2] kali seminggu mungkin cepat sikit tiga [3] bulan tapi kita letak enam [6] bulan. Lepastu yang kedua tali pinggang hijau. Yang ketiga tali pinggang merah kosong. Yang keempat merah calit. Yang kelima kuning. Yang keenam hitam. Tapi bagi pusaka gayong merah calit, kuning, dan hitam kena ambil di Kedah di pusat kita di

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Gurun, Kedah. Baru saja diizinkan kepada saya boleh uji sampai kuning.  
Itu peringkat bengkung.

**MAMMH** : **Kalau dia nak tukar tali pinggang dia akan ada ujianlah?**

**WAHWM** : Ujianlah, ada peperiksaan macam UPSR. Ambil periksa dulu baru ambil pulak.

**MAMMH** : **Contoh ujian apa?**

**WAHWM** : Yang baru tadi kata nak ambil putih kena tahu kemahiran menumbuk. Menumbuk ada banyak jenis. Tumbuk situ tangkis tangan, kaki itu ujian putih. Masuk hijau pulak tumbuk dua kali. Kemudian elak pukulan tadi. Buat kuncian situ dan buat pentas. Tu tali pinggang hijau. Kalau ada kemahiran lebih sikit boleh main senjata. Dan setiap ujian tali pinggang dia akan ada sparing. Kalau tali pinggang putih dia akan ada satu lawan satu. Ambil hijau satu lawan dua. Yang nak lawan ni kena sama. Kalau hijau kena lawan dengan hijau. Nak ambil merah satu lawan tiga. Ambil kuning satu lawan empat. Hitam satu lawan lima. Lima-lima tu senjata semua. Itu tali pinggang hitam. Jadi di situ ada kemahiran kita dalam bela diri nak uji kita bagaimana kita belajar tadi boleh *apply* dalam sparing yang kita tak pakat tadi tak rancang. Kalau macam menumbuk

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

kita rancang. Ini tak sparing dia macam silat olahraga main kalau kena tu kenal.

**MNMR : Kalau kalah tu kira gagal? (Tertanya-tanya)**

**WAHWM :** Dok-dok (tak-tak) Dia tak gagal dia lulus. Cuma contoh kalau markah sepuluh [10] atau dua puluh [20] mungkin dia selalu kena tu boleh minima lah mungkin lima [5] atau enam [6] kalau dari markah dua puluh [20] boleh dapat lapan belas [18], tujuh belas [17]. Itu dipanggil sparing atau kita sebut dengan nama serangan bebas. Dalam silat kita serangan bebas.

**MNMR : Kalau dari segi markah tu contoh satu [1] markah tu macam mana nak dapat?**

**WAHWM :** Dalam ni tak ada markah gitu. Itu dalam silat olahraga kalau tumbuk satu [1] markah, sepak dua [2] markah, jatuh tiga [3] markah itu dalam silat olahraga. Kalau silat ni dia tak ada markah tu dia tengok bagaimana kita mengelak, kita menyerang , kita buat kuncian dipanggil serangan bebas tadi tapi budak kita panggil sparing. Serangan bebas tu maksudnya kita tak berpakat. Tak ada lepas mu aku lepas mu aku (lepas kau aku lepas kau aku). Yang point-point tu dalam silat olahraga tadi. Jadi ini betul-betul nak menguji kemahiran dia. Macam tali pinggang merah satu lawan tiga, merah la hulu balangnya kalau kuning tua sikit. Bila hitam

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

dah beruban macam saya dah. Jadi main pon tak larat mana dah. Jadi yang betul-betul hebatnya peringkat tali pinggang merah calit. Ini orang muda peringkat dua puluh [20] an tengah hebat, tengah sedap main yang ini lah. Kalau main parang yang ini sedap. Kita ni main juga tapi slow dahla. Macam kereta beli lama dah

**MNMR** : (Ketawa)

**MAMMH** : (Ketawa)

**MAMMH** : Adakah persatuan silat di negeri Kelantan mendapat tajaan daripada pihak tertentu?

**WAHWM** : Tajaan? (Kurang dengar)

**MAMMH** : Ya, tajaan.

**WAHWM** : Kita bila ada program, kita akan buat biasanya ada. Majlis kebudayaan negeri bagus. Selalu lulus permohonan kita. Kerajaan negeri pun ada. Jadi di atas kita kena buat permohonan. Dia tidak ada geran khas, cuma ada majlis perundangan negeri masuk mesyuarat agong dia bagi tujuh ratus [700] ringgit setiap persatuan yang hantar laporan. Jadi majlis

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

perundangan negeri kita ni bagus di bawah mejar bersara Dato Mejar Anizam pengerusi kebudayaan Kelantan.

**MAMMH** : Okay, kita beralih pulak kepada...

**WAHWM** : Nombor berapa doh (sudah) soalan itu?

**MAMMH** : lapan puluh lima [85] dah

**WAHWM** : Semua sekali?

**MAMMH** : Seratus [100]

**WAHWM** : Oh dekat doh tu (Sudah Itu)

**BAHAGIAN VI: SUMBANGAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MAMMH** : Kita beralih kepada sumbangan, pertama sekali boleh Cikgu Wan ceritakan apakah sumbangan Cikgu Wan dalam bidang seni ini terhadap keluarga....

**WAHWM** : Boleh ulang soalan? Tak dengar

**MAMMH** : Boleh ceritakan sumbangan Cikgu Wan dalam industri ini terhadap keluarga, masyarakat dan negara?

**WAHWM** : Okay, keluarga yang pertama, saya dapat membentuk satu keluarga terutama anak-anak, isteri tidak lah. Anak-anak yang boleh bertanding di peringkat Kebangsaan dan peringkat Antarabangsa. Itu bagi keluarga, dan mendisiplinkan diri kita dan keluarga kita lah. Dan di mata masyarakat, InsyaAllah Alhamdulillah setakat ini orang hormat kita, kita ore (Orang) silat sebab kita buat amalan itu betul, jangan kita ego, mencabar. Setakat ini Alhamdulillah saya dan anak-anak saya dapat mengawal lagi perkara-perkara yang tidak baik yang lahir daripada mulut kita lah. Satu lagi sumbangan kita kepada keluarga, boleh membantu keluarga saya dihormati bersama saya InsyaAllah. Dalam masyarakat sangat banyak lah, contohnya di Kubang Batang ini, salah satu sukan yang dapat melahirkan ke peringkat Antarabangsa, peringkat dunia, Sukan Sea. Ramai orang kita sini yang wakil, yang di peringkat Wakaf Bharu sahaja ini, saya rasa ada dekat sepuluh [10] orang yang telah mewakili Malaysia pada peringkat remaja, remaja sekolah. Sekolah di SMK Wakaf Bharu, saya mengajar di



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

SMK Wakaf Bharu dahulu, sekolah menengah. Jadi empat [4] ore (Orang), eh dua [2] ore (Orang) yang telah mewakili Malaysia ke remaja dunia di Vietnam, tahun dua ribu [2000]. Jadi dua [2] ore (Orang). Di mata masyarakat, Sekolah Wakaf Bharu telah melahirkan silat, ataupun ahli sukan yang bertaraf dunia. Begitu juga tahun dua ribu tujuh [2007], empat [4] orang yang telah mewakili Malaysia, peringkat remaja. Remaja ini (Berfikir Sejenak) umur tingkatan dua [2] , yang ini pra remaja sampai tingkatan empat [4] yang telah mewakili Malaysia ke Open Championship, Singapore. Singapore ini serupa peringkat dunia lah. Jadi ada pingat emas, ada pingat perak. Dua emas tak silap dan satu perak dan satu pesilat terbaik, Azli bin Ahmad pesilat terbaik peringkat dunia, pra remaja. Ini dalam mata masyarakat, jadi sumbangan kita kepada masyarakat. Sumbangan kepada sekolah dan masyarakat, owwh dan penduduk Wakaf Bharu dapat melahirkan salah seorang pesilat bertaraf dunia. Di samping kita juga, dapat memberi sumbangan untuk majlis-majlis kenduri, majlis orang besar mari, ada sekali pada suatu tahun, PM datang datang ke SK Khutan, maka kita diberi tanggungjawab untuk membuat persembahan dan juga membawa keris kepada tiga watak utama, Perdana Menteri, saya dan anak saya. Membawa keris sumbangan kepada mereka. Jadi di mata masyarakat, silat telah naik secara tak langsung kerana penglibatan kita di mata masyarakat tadi. Yang itu sumbangan kepada masyarakat, di samping kita dapat membentuk generasi masyarakat-masyarakat yang anak-anak mereka menyertai silat terutama di gelanggang ini telah mempunyai disiplin yang baik dan pencapaian akademik juga baik sebab dia disiplin. Semasa berlatih kita pun kata “Silat-silat, kerja sekolah kena buat” jadi

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

macam tadi, kita dakwah solat, yang ini sumbangan kita kepada masyarakat untuk membentuk generasi yang berdisiplin dan berakhlak.

**MAMMH : Seterusnya, Cikgu Wan pernah tak memberi sumbangan di luar bidang seni silat, contohnya Cikgu Wan pernah menyertai atau menunaikan aktiviti kebajikan atau lain-lain?**

**WAHWM :** (Berpikir Sejenak) Kalau dulu memang kita ada dia panggil bersih kubur, gotong royong, begitu kalau sumbangan dari segi saya sebagai AJK Majlis Negeri, dulu pernah saya AJK Belia dan juga Pegawai DO *Divisional Officer, Saint John Ambulance*, yang itu secara tidak silap lah tu, jadi banyak sumbangan kita kepada masyarakat lah. Jawab soalan dia tadi? Apa soalan dia tadi?

**MAMMH : Sumbangan**

**WAHWM :** Haa betul, saya juga banyak terlibat dengan Belia dahulu, *Saint John Ambulance*, malah *Saint John Ambulance*, orang dewasa pertama di Malaysia dahulu di kampung Khutan. Saya sebagai pegawai *Division Optional* masa itu.

**MAMMH : Adakah Cikgu Wan bergiat aktif dalam mempromosikan seni pertahanan diri iaitu Silat Gayong ke luar negara?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

WAHWM : Setakat ini tiada, sayalah. Kalau orang lain ada lah kalau saya tiada.

MAMMH : *Last* sekali, adakah sumbangan encik dalam bidang silat ini banyak ke arah negeri Kelantan ataupun sebaliknya?

WAHWM : Sumbangan?

MAMMH : **Ya, sumbangan.**

WAHWM : Sumbangan kita, Kelantan, khususnya dalam perguruan kita lah. Kita juga memberi khidmat kepada Contohnya kita sebab kita tak ada dana kan, kita memberi sumbangan kepada ahli-ahli banjir, ahli silat kita ini, yang sakit, yang kemalangan, yang kematian tapi kita bagi ke keluarga dia lah bukan bagi ke dia, tapi kita tidak banyak sebab kita bukan ada dana khusus ataupun memohon dana untuk memberi semua. Jadi kutip dengan jurulatih-jurulatih ataupun duit tabung yang yuran tadi. Jadi ada mereka-mereka yang berada dalam kesusahan khususnya ahli silat dan jurulatih.

**BAHAGIAN VII: ANUGERAH DAN PENGHARGAAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MAMMH** : Dengan itu, saya serahkan balik kepada Muhammad Nazmi untuk bahagian Anugerah dan Penghargaan.

**MNMR** : Okay, sekarang kita beralih kepada bahagian Anugerah dan Penghargaan. Adakah persatuan silat Gayong Pusaka Negeri Kelantan pernah menerima sebarang anugerah?

**WAHWM** : Tak silap pada tahun dua ribu enam belas [2016], kita panggil di antara persatuan yang aktif kita ada terima anugerah lah. Rasa wang tunai enam ribu [6000] ringgit rasanya daripada Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan. Anugerah Persatuan Cemerlang.

**MNMR** : Dekat mana dapat anugerah itu?

**WAHWM** : Di Kelantan lah, Kota Bharu.

**MNMR** : Bertempat?

**WAHWM** : Bertempat dia di (Berfikir Sejenak), rasanya lupa tempat dia. Di Gelanggang Seni rasanya.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR** : Adakah Cikgu Wan pernah menerima anugerah di atas penglibatan  
: **Cikgu Wan dalam bidang seni silat?**

**WAHWM** : Ya, Alhamdulillah setakat ini sangat banyak lah menerima anugerah. Kalau nak tengok, tengok dalam kertas yang saya bagi itu. Di antaranya Tokoh Sukan Negeri Kelantan di bawah Jabatan Belia Sukan Negeri, Anugerah Majlis Kebudayaan Negeri, tiga [3] kali anugerah dia panggil pemimpin budaya tiga [3] lah, tahun-tahun tak ingat kena rujuk balik lah dan anugerah lain yang berkaitan dengan silat juga Allah bagikan kepada saya dalam perkhidmatan saya iaitu saya mendapat tiga [3] Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Tahun-tahun tak ingat dah, salah satu tahun rasa sembilan puluh tiga [93], sembilan puluh enam [96] dan satu lagi. Tiga [3] kali Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dalam profesion perguruan saya tetapi Allah bagi kerana saya terlibat dengan silat. Dan anugerah lain saya banyak juga lah, contoh anugerah gapo (apa) panggil Guru Cemerlang Kokurikulum, tiga [3] empat [4] kali di bawah JPN sebab apa, silat dan Guru Cemerlang Kokurikulum rasanya banyak kali lah, rasa boleh tengok situ lah dalam JPN Kelantan, PPD pulak boleh kata setiap tahun lah sebab saya di antaranya guru yang aktif yang sampai ke peringkat antarabangsa dan calon tokoh guru tiga [3] kali. Tapi kita kalah dengan orang yang lebih hebat lagi lah, tapi calon itu hebat dah (sudah) lah sebab kita lah yang tertinggi di Tumpat.

**MNMR** : **Kalau dapat calon itu dah hebat dah tu (Dengan Perasaan Kagum)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**WAHWM** : Jadi saya dah kata memang dah tak dapat tapi dia suruh isi, yang dapat siapa, orang yang sampai peringkat antarabangsa, saya antarabangsa juga tapi antarabangsa tiada kaitan dengan sekolah tapi dia antarabangsa ada kaitan dengan sekolah. Jadi beza, markah dia lagi lebih. Lepastu, saya tiada markah dari segi penerbitan, yang ini dia ada penerbitan. Jadi kita kalah situ lah, tiga [3] kali calon tokoh guru. “Kito Toksey (Tak Mahu) Isi” “Tapi Tuan yang Terbaik di Tumpat ni” tapi kita isi juga walaupun dah tahu pun akan kalah tapi tak apa lah bukan lawan kita sebenarnya. Lepastu anugerah PPD sangat banyak lah, anugerah khas, anugerah juri. Yang itu anugerah dari segi silat banyak pula, daripada panglima hitam, pertua panglima hitam dan yang terakhir sekali saya terima Laksamana Pusaka Singa Malaya, yang itu tertinggi. Anugerah tadi disebabkan penglibatan saya dalam silat.

**MNMR** : **Adakah Cikgu Wan mempunyai sokongan yang padu daripada keluarga Cikgu Wan dalam menceburi bidang ini?**

**WAHWM** : Pada peringkat awal tiada lah, yang saya kata mula-mula saya menceburi tidak ada yang sokong, dari peringkat sekarang memang lah. Anak-anak, keluarga banyak membantu kita ini.

**MNMR** : **Apakah yang membakar semangat Cikgu Wan dalam memartabatkan seni silat gayong sehingga Cikgu Wan mampu berkongsi ilmu ini kepada orang lain?**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

WAHWM : Ya, kita tengok seni pelihara diri di Malaysia, kebanyakan selepas zaman Datuk Meor dulu, masa itu banyak silat berbanding Taekwondo, jadi selepas masuknya silat bangsa asing, maka ramai orang Melayu beralih ke silat bangsa asing kerana keterampilan dia. Pakai putih, segak, kemas, naik basikal pakai baju putih. Orang Melayu kita nak pakai baju silat, kayuh basikal malu. Orang Melayu ini hebat dengan malunya, jadi lebih promosi kepada Taekwondo. Maka saya nampak, perlu ada sesuatu yang kita perlu buat untuk bangkitkan semula Tok Guru kita buat dahulu seperti zaman Mat Kilau, zaman dulu tidak ada orang di sebuah rumah itu tidak belajar silat. Mesti dalam rumah itu ada orang belajar silat, sebab apa? Nak pelihara diri. Dulu banyak komunis, bangsa asing ataupun penjajah jadi mesti belajar silat. Tapi sekarang ini nak cari sepuluh [10] buah rumah nak cari seorang ahli silat payoh (Susah). Maka saya dengan kesedaran tadi lah saya kena bangkitkan silat maka kita kena mengajar silat, buka silat. Mula di kampung saya, saya toksey (Tidak Mahu) mengajar silat, tahu-tahu saya ini belajar silat, boleh bersilat di kampung tapi budak saya, anak buah saya di kampung itu dia belajar silat batin. Masa itu saya mengajar di Bachok, SMR Bachok. Dulu saya mengajar di sekolah, sekolah tak apa lah banyak aktiviti tapi kenapa saya toksey (Tidak Mahu), saya marah dia “Awak tak sesuai belajar silat batin” ibarat kalau batin yang betul itu tak apa lah, tapi bagi dia tak sesuai lagi apatah lagi silat batin yang songsang, sesat. Kata kita tak betul lah apa, saya cakap “Awak peringkat umur awak tidak sesuai untuk batin ibarat” kata kalau lah kita kita isi air panas dalam plastik, sekarang ada dah yang boleh isi air panas tapi plastik dulu takdok (Tiada) eh, apa jadi?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR : Bocor.**

**WAHWM :** Bocor. Begitu dengan diri awak, awak tak cukup lagi ketahanan diri awak, fizikal awak, mental awak, rohani awak tidak cukup. Dia kata boleh kalau nak berhenti belajar cuma “Pok Jik kena ajar silat kampung” kata dia tadi sebab dia tahu doh Cikgu ajar silat kampung. Maka terpaksa saya buka untuk tarik budak-budak belia tadi daripada belajar silat yang tidak tentu arah tadi, nak kata betul salah saya tak tahu tapi silat batin lah. “Mari belajar silat, saya buka silat di kampung tadi” saya cakap. Jadi gapo (apa) tadi eh soalan tadi? Saya rasa macam mengarut dah saya tadi?

**MNMR : Bagaimana Cikgu Wan memartabatkan seni silat Gayong?**

**WAHWM :** Haa jadi sebab itu barulah saya bergiat di sekolah yang tadi cari sahabat-sahabat, rakan-rakan menubuh persatuan sehinggalah sekarang kita boleh ada dekat-dekat lapan puluh [80] buah sekolah, telah memartabat silat di seluruh negeri Kelantan. Di samping kita dedahkan pesilat kita ke peringkat Kebangsaan dan juga Antarabangsa. Jadi kita berbalik ke cita, orang lain pun nak belajar silat, lebih-lebih lagi yang promosi Mat Kilau tadi.

**MNMR : Soalan seterusnya, boleh Cikgu Wan ceritakan bagaimana Cikgu Wan mendapat jawatan sebagai yang Dipertua pertubuhan seni silat Pusaka Gayong bahagian negeri Kelantan?**



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

WAHWM : Haa itu soalan bagus juga itu, dasar saya ialah saya tidak akan mencabar YDP yang lepas walaupun bagi budak-budak YDP yang lepas itu bagi saya bagus, abang saya sendiri, kami panggil abang sebab pangkat abang lah. Maka yang penting dia lagi tua daripada saya, rendah itu sebab dia cuma tidak pergi ambil ujian itu sahaja, kita ambil ujian. Maka kita tidak boleh merendahkan dia, jadi orang tidak kenal dia. Pernah ada sekali, Mesyuarat Agung cadang saya jadi YDP. Jange (Jangan), selagi dia ada jangan. Selagi dia nak, saya tidak akan cabar dia, Yang itu prinsip saya, tidak akan cabar. Kita tidak gila kuasa lah. Maka tahun dua ribu lapan belas [2018], dia letak jawatan, maka saya masuk sebab ada orang cadang saya. Jadi kita kena *respect* abang kita ini sebagai YDP walaupun dia tidak aktif silat, dia tidak aktif, tapi dia bukan ahli jawatankuasa silat, kata dia mula-mula buka tadi di Bachok, dialah. Jadi kita jangan cabar dia, sebab dia tidak aktif jadi orang tidak kenal. Sampai dia letak jawatan, maka barulah saya ambil kerana dia letak jawatan tapi bukan kerana saya mencabar. Saya prinsip saya tiada, kita tak suka gila kuasa, masa itu saya Setiausaha.

**BAHAGIAN VIII: HARAPAN/NASIHAT**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR** : **Okay, kita beralih kepada bahagian yang terakhir iaitu harapan dan nasihat. Boleh Cikgu Wan kupaskan apakah harapan Cikgu Wan terhadap generasi muda pada zaman ini mengenai Silat Gayong?**

**WAHWM** : Saya nak kongsi kepada anak muda, kalau saya pergi ke sekolah, anak saya pergi ke sekolah, saya sokmo (Selalu) bagi contoh-contoh yang terjadi pada masa itu ataupun yang sebelum itu terjadi supaya nak tarik minat dia. (Berpikir Sejenak).. Apa ini?

**MNMR** : **Harapan.**

**WAHWM** : Harapan ya, jadi anak saya perempuan di Sekolah Menengah Wakaf Bharu, budak itu Haziq, baru ketua pengawas. Dia masuk ke bengkel saya, saya mengajar kemahiran hidup. Masa kelas saya terang pasal silat-silat pastu dia cakap “Cikgu buat apa silat sekarang ini, orang pakai bedil (Senapang) dah, lepas itu Cikgu nak ajar silat?.” Dia duduk dengar tapi dia nak *condemn* kita, kata gini Haziq, kawan saya dulu ada jenis bengis, panas baran, di kedai kopi dia pernah tampar orang, dia orang tua, orang tua tampar orang tua. Sebab dia jenis panas baran, dia kecek (Cakap) apa silat zaman leni (Sekarang), dia tampar sekali lepas itu suruh bedil (Senapang), “Bedil Aku Sekarang, Bedil Bedil” tak boleh bedil lah. Begitu saya kata nama Haziq tadi, kata saya toksey (Tak Mahu) tampar awak, kata lah saya dah tampar awak, mari lawan saya. Baru dia duduk tegak, “Mana boleh saya tampar Cikgu, saya tiada bedil (Senapang)” Lepas itu

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

baru dia faham dan mula memasuki silat. Jadi harapan saya berbalik kepada soalan tadi generasi baharu ini sepatutnya, nak kata wajib takut tak kena, harus belajar silat. Walaupun zaman sekarang, zaman moden, zaman bom, sebab apa tentera belajar pertempuran tanpa senjata dari dulu lagi. Di Pusat Latihan Tentera Melaka, Gayong yang ajar dulu. Sebab kadang-kadang ilmu tanpa senjata perlu digunakan semasa terdesak. Contoh kita di Wakaf Bharu, masuk kedai ada orang bawa bedil (Senapang) macam ini (Gerakan Tangan). Takdok (Tiada), terus pegang tengkuk, jadi InsyaAllah macam tadi lah dengan izin Allah kita dapat lawan. Tapi boleh lagi kalau duduk dekat, kalau ajal doksoh (Tak Perlu) kira lah kalau ajal, kalau belum lagi boleh lepas dari pisau ke apa. Jadi harapan saya semua kalau boleh wajib lah, maksud saya belajar silat sungguh. Tapi bukan kuasa kita, kalau saya Menteri Pendidikan semua pelajar saya wajib belajar silat. Sebagai *basic* utama untuk pelihara diri, kukuh mental dan fizikal, untuk jati diri dan untuk warisan bangsa. Ada sesetengah sekolah toksey (Tak Mahu) silat, sebab sudah ada Taekwondo. Ada pengetua yang bijak, ada silat nak, ada Taekwondo pun nak. Bagi saya satu kesilapan yang besar bagi sekolah yang memperlekehkan silat. Saya pernah berbual dengan sahabat saya, dia cakap “Cikgu anak saya Taekwondo *black belt* dah” Sekolah rendah *black belt*, Setara mana *black belt* di sekolah rendah, kita cakap ke dia “Baguslah, Tahniah lah” Tapi setara mananya *black belt* dia tu, boleh ke setara Bruce Lee ataupun Mat Kilau? (Ketawa). Harapan saya suatu masa silat ini, kalau cukup jurulatih kena ada dekat semua sekolah. Untuk makluman, saya tak tanya tapi sahabat-sahabat saya pergi ke luar negara, di Thailand silat banyak, Vietnam di sekolah silat banyak, di Thailand sekolah sukan dia (Berfikir Sejenak) Apa ini.. Yala Sport School ada silat. Tempat kita mana, selain pada Kuala Lumpur, KL. Anak

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

saya pernah mengajar yang nombor dua [2] itu tadi di Yala Sport School, gaji empat ribu setengah [4500]. Saya tanya “Betul ke ni abe?”. Jadi kebetulan semasa hantar anak saya, Haji Sulaiman itu, dia bekas pesilat Thailand tahun sembilan puluh dua [92] dia wakil Thailand ke Silat Dunia dengan saya di Jakarta. Saya jurulatih Malaysia Silat Dunia, jadi kita kenal nama dia cuma tidak ingat muka dia, jadi dia cakap “Cikgu Wan ini kita bayar ini empat ribu setengah [4500] Malaysia” jadi terkejut kita. Tengok dia boleh bayar Thailand ini, Thailand selalu ada pahlawan-pahlawan dia di sekolah sukan. Sebab itu selalu hebat, dulu memang hebat. Begitu juga dekat Vietnam, dengar cerita kebanyakannya ada sekolah yang ada silat. Di Malaysia, banyak kali berbunyi ke JPN untuk terima silat tapi toksey (Tak Mahu) juga. Dulu dua [2] PK Ko saya jumpa tapi toksey (Tak Mahu) silat. Ini nak kata tak semua, tapi ada pentadbir di sekolah yang masih suka kepada pelihara diri asing dan memperlekehkan silat. Jadi berbalik kepada soalan tadi, generasi sekarang walaupun sibuk dengan komputer, sibuk dengan telefon, jangan lupa silat, di samping sebagai orang kata warisan tadi, pelihara diri sangat mustahak. Kalau saya nak sambung lagi takut panjang pula sampai sejam. Ada pelajar saya jumpa pada tahun sembilan puluh satu [91], kita buat pertama kita panggil Pertandingan Silat Olahraga Remaja Pertama di Kelantan peringkat Kebangsaan di Sekolah Dato ‘Ahmad Maher. Ni cerita nak royak (Begitau) ni, saya bawak *team* Kelantan masa itu, mari seorang tino (Perempuan), rupanya dia tanya saya, “Cikgu Wan tak kenal saya?” dia sebagai penyelia di situ. Dia sebut nama Zarina saya ingat selalu, Zarina masa itu dia mengaji di SIC, SIC kalau sama tino (Perempuan) dia tak boleh latih, dia memang keras tubuh memang tak boleh, kena main dengan jate (Lelaki). Dia cakap “Cikgu saya nak ucap terima kasih dekat Cikgu

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

sebab ajar saya Silat Gayong” Nak pendekkan cerita, dulu di Kuala Krai semasa di asrama, bekas tok lelaki (Bekas Suami) dia mencero boh, dengan ilmu tersebut dia bersilat. Yang itu lah pelihara diri. Harapan saya lagi di samping pelihara diri, dengan silat juga mudah untuk memasuki U (Universiti), dengan syarat dia wakil negeri. Itu sahaja lah, kena kah jawapan?

**MNMR : Kena.**

**MNMR : Apakah nasihat Cikgu Wan kepada generasi muda yang ingin menceburi bidang ini tetapi masih lagi tak masuk?**

**WAHWM :** Selain daripada boleh kita tengok Youtube ke apa, kalau boleh pakat-pakat lah sama-sama kita menyertai silat untuk warisan bangsa ini, silat Melayu kita, bukan kita nak memperendahkan silat bangsa asing, nak belajar tiada masalah tapi oleh sebab kita orang Melayu, kita memartabatkan silat Melayu kita untuk masa depan dan juga kepentingan diri kita sendiri.

**MNMR : Pada pendapat Cikgu Wan, jika seseorang individu itu ingin mempelajari seni Silat Gayong, apakah yang harus dilakukan oleh mereka agar seni ini terus berkembang?**

**WAHWM :** Bagi saya mudah sahaja, yang pertama kita kena ada dalam diri kita yang pertama semangat, jati diri, ketahanan mental dan fizikal, tidak kira lah dia muda tua atau besar kecil kalau tiada ketahanan mental fizikal, masuk

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

tiga [3] empat [4] hari dia akan keluar. Jadi bekalannya, aset dia sahaja ketahanan fizikal dan mental. Itu aset yang paling penting untuk masuk silat. Saya pernah royak (Begitau) ke budak-budak saya yang masuk silat, awak kena berhadapan dengan kesakitan, lenguh. Ataupun awak kena belajar benda yang sama, pastu dia cerita dekat orang lain, toksey (Tak Mahu) lah aku, asyik tumbuk itu sahaja. Tapi kalau main bola, main carom, main badminton, bakpe (Kenapa) dia tak sebut puas? Saya kata dalam silat kenapa kita buat latihan secara yang sama, cuba kalau rekod. Hari pertama macam ini (Pergerakan Tangan), hari kedua, hari ketiga, hari keempat mapuh (Mampus) kambing, hari kelima mapuh (Mampus) Kerbau, contoh lah, hari ke dua [2] tahun mapuh (Mampus) gajah. Berbeza, tumbuk yang sama tapi keberkesanan yang berbeza. Begitu dengan sepak, hingga boleh pecah genting, boleh pecah bata tapi sepak yang sama. Tapi kalau Olahraga kita boleh ukur, mula-mula belajar tiga belas [13] saat, berlatih-berlatih jadi dua belas [12], sampai ke wakil Malaysia bole sembilan *point* tiga puluh [9.30], beza ke tak, daripada tiga belas [13] sampai pecah rekod. Maknanya nak tunjuk orang yang tak tahu beza belajar mula, tiga [3] bulan, tiga [3] tahun sepuluh [10] tahun. Kalau budak baharu saya boleh pegang macam ini sahaja (Pergerakan Tangan), Sekolah menengah getar sikit, yang besar ni saya tak pegang dah.

**MNMR** : (Ketawa)

**MAMMH** : (Ketawa)

**WAHWM** : Kalau pegang melambung kita, tapi tendang yang sama, berkesan lain.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR** : **Okay untuk soalan seterusnya, apakah harapan Cikgu Wan terhadap pihak kerajaan negeri Kelantan dalam memartabatkan seni pertahanan diri?**

**WAHWM** : (Berfikir Sejenak) Cadangan kita memang banyak, diantaranya kita boleh buat macam tadi Festival, merangkumi semua seni pelihara diri, termasuk Silat Malayu, Taekwondo, Karate, Festival Seni Pelihara Diri kita boleh buat. Jadi dari cadangan ini, kita dapat mempromosikan terutama silat kepada masyarakat. Bukan sahaja main *Handphone*, jadi kita boleh menarik minat budak-budak supaya belajar silat, satu lagi saya nak tambah, setengah ibu bapa saya puji, “Cikgu mujur dia main silat, kalau tidak dua [2] jam tadi dia duduk main *phone* sahaja” kalau dulu, “Mujur anak saya main silat Cikgu, kalau tidak duduk main motorsikal”, *Handphone* jadi masalah besar untuk ibu bapa, mujur pegi hantar silat. Maka untuk budak mental dan fizikal dia sihat. Jadi harapan saya, mengenai peranan ibu bapa, sebab apa ibu bapa boleh hantar anak pergi tuisyen tapi tidak boleh hantar anak pegi silat, itu kelemahan dia. Ada anak murid saya itu, dari pasir mas Pok (Ayah) dia mari hantar. Sampai satu tahap dia beli motor untuk anak dia semata-mata nak hantar pergi silat, jadi pemantauan ibu bapa itu penting. Sebab kan ini anak dia boleh wakil Malaysia ke Belgium Open Championship tahun dua ribu tujuh [2007]. Jadi sini lah kita mahu buka minda ibu bapa, mari hantar lah anak silat. Kalau sini *free* ni, kalau yuran sekolah baru ada. Kadang-kadang ada anak murid nak pergi tapi ibu bapa bagi alasan tiada kereta, sepatutnya awak kena tambah satu perkataan tadi dalam tajuk, apa dia eh (Berfikir Sejenak), haa halangan-halangan. Halangan tadi murid jauh tidak dapat

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

berlatih, yuran. Jadi kenapa ibu bapa boleh bayar yuran tuisyen, tujuh ratus [700] ya (Ringgit) sebulan, silat sepuluh [10] sebulan tak boleh? Sebab apa? Sebab minda dia. “Buat apa nya silat?” Sebab tak ada apa yang berlaku lagi yang memerlukan silat dalam hidup dia, kalau berlaku juga baru rasa “Kalau aku berlajar silat tadi, boleh pelepas”. Jadi, minda ibu bapa sendiri memberi peranan.

**MNMR : Apakah harapan Cikgu Wan dalam seni pertahanan diri iaitu, seni silat Gayong di masa hadapan?**

**WAHWM :** Harapan saya semoga seni silat ini berkembang di seluruh negeri Kelantan, kalau kita cukup jurulatih, setiap sekolah ada silat. Kalau bukan silat Gayong, silat lain lah. Kerana bagi saya silat sangat penting untuk membentuk jati diri, ketahanan fizikal dan mental. Saya pernah lah temuduga semasa Diploma dahulu, temuduga itu tanya saya “Saya nak tanya satu sahaja Cikgu, apa kaitan awak dengan silat yang awak nak sambung belajar di Maktab Batu Pahat ini dengan Matematik Tambahan?” “Cik kalau sekali pandang memang takda kaitan langsung, tapi bagi saya satu sahaja” “Apa dia?” “Mental, dalam silat saya diterajang, dipukul, dihumban tapi setakat nak belajar Matematik Tambahan, saya boleh buat Cik” “Bagus, terima kasih” Tak sampai sepuluh [10] minit, yang lain dua puluh [20] minit, tubik saya kejut orang lain. “Guana (Macam Mana) boleh tubik (Keluar) awal?” “Boleh lah tu”



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MNMR** : **Okay untuk soalan seterusnya, apakah harapan Cikgu Wan terhadap pihak kerajaan negeri Kelantan dalam memartabatkan seni pertahanan diri?**

**WAHWM** : (Berfikir Sejenak) Cadangan kita memang banyak, diantaranya kita boleh buat macam tadi Festival, merangkumi semua seni pelihara diri, termasuk Silat Malayu, Taekwondo, Karate, Festival Seni Pelihara Diri kita boleh buat. Jadi dari cadangan ini, kita dapat mempromosikan terutama silat kepada masyarakat. Bukan sahaja main *Handphone*, jadi kita boleh menarik minat budak-budak supaya belajar silat, satu lagi saya nak tambah, setengah ibu bapa saya puji, “Cikgu mujur dia main silat, kalau tidak dua [2] jam tadi dia duduk main *phone* sahaja” kalau dulu, “Mujur anak saya main silat Cikgu, kalau tidak duduk main motorsikal”, *Handphone* jadi masalah besar untuk ibu bapa, mujur pegi hantar silat. Maka untuk budak mental dan fizikal dia sihat. Jadi harapan saya, mengenai peranan ibu bapa, sebab apa ibu bapa boleh hantar anak pergi tuisyen tapi tidak boleh hantar anak pegi silat, itu kelemahan dia. Ada anak murid saya itu, dari pasir mas Pok (Ayah) dia mari hantar. Sampai satu tahap dia beli motor untuk anak dia semata-mata nak hantar pergi silat, jadi pemantauan ibu bapa itu penting. Sebab kan ini anak dia boleh wakil Malaysia ke Belgium Open Championship tahun dua ribu tujuh [2007]. Jadi sini lah kita mahu buka minda ibu bapa, mari hantar lah anak silat. Kalau sini *free* ni, kalau yuran sekolah baru ada. Kadang-kadang ada anak murid nak pergi tapi ibu bapa bagi alasan tiada kereta, sepatutnya awak kena tambah satu perkataan tadi dalam tajuk, apa dia eh (Berfikir Sejenak), haa halangan-halangan. Halangan tadi murid jauh tidak dapat

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

berlatih, yuran. Jadi kenapa ibu bapa boleh bayar yuran tuisyen, tujuh ratus [700] ya (Ringgit) sebulan, silat sepuluh [10] sebulan tak boleh? Sebab apa? Sebab minda dia. “Buat apa nya silat?” Sebab tak ada apa yang berlaku lagi yang memerlukan silat dalam hidup dia, kalau berlaku juga baru rasa “Kalau aku berlajar silat tadi, boleh pelepas”. Jadi, minda ibu bapa sendiri memberi peranan.

**MNMR** : **Apakah harapan Cikgu Wan dalam seni pertahanan diri iaitu, seni silat Gayong di masa hadapan?**

**WAHWM** : Harapan saya semoga seni silat ini berkembang di seluruh negeri Kelantan, kalau kita cukup jurulatih, setiap sekolah ada silat. Kalau bukan silat Gayong, silat lain lah. Kerana bagi saya silat sangat penting untuk membentuk jati diri, ketahanan fizikal dan mental. Saya pernah lah temuduga semasa Diploma dahulu, temuduga itu tanya saya “Saya nak tanya satu sahaja Cikgu, apa kaitan awak dengan silat yang awak nak sambung belajar di Maktab Batu Pahat ini dengan Matematik Tambahan?” “Cik kalau sekali pandang memang takda kaitan langsung, tapi bagi saya satu sahaja” “Apa dia?” “Mental, dalam silat saya diterajang, dipukul, dihumban tapi setakat nak belajar Matematik Tambahan, saya boleh buat Cik” “Bagus, terima kasih” Tak sampai sepuluh [10] minit, yang lain dua puluh [20] minit, tubik saya kejut orang lain. “Guana (Macam Mana) boleh tubik (Keluar) awal?” “Boleh lah tu”

**MNMR** : **(Ketawa)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**MAMMH** : **(Ketawa)**

**WAHWM** : Dulu semasa kelas saya nakal sikit, saya duduk depan sekali dalam kelas. Pensyarah tengah mengajar saya *direct* tanya “Simbol Gapo (Apa) ini Cik macam cacing?” Saya ada ilmu hisab sahaja, tak pernah belajar Matematik Tambahan. Satu kelas itu menggeleng kepala. Jadi pensyarah itu suruh saya beli buku Matematik Tambahan dan Kalkulator Saintifik, Kalkulator Saintifik eh orang panggil?

**MNMR** : **Kalkulator Saintifik.**

**WAHWM** : Saya pun cakap “Cik saya ada beli Kalkulator Saintifik tapi tak pandai guna” satu kelas ketawa. Saya pandai satu [1] tambah dua [2] camtu jah, yang lain tidak reti. Tapi nak royak (Kata) ketahanan mental saya tadi lah, saya belajar jugak. Masa cuti saya tak balik, saya pergi rumah sepupu saya yang *Champion* dalam matematik. Malam mengajar saya, sebutir buku saya boleh buat. Semasa peperiksaan saya fokus, saya boleh jawab. Saing dekat meja sebelah macam ini dah (Pergerakan Tangan). Tubik C markah, saing yang biasa dah ini mengulang.

**MNMR** : **Ketawa**

**WAHWM** : Jadi nak royaknya (Kata), ketahanan mental itu penting dalam silat. Dengan ketahanan mental baru kita boleh berjaya. Kalau kita menghadap halangan itu sebagai cabaran untuk kita berjaya. Semakin banyak halangan, kalau kita *think positive* maka semakin mudah kita nak berjaya.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Jadi betul lah istilah tadi, fizikal dan mental orang silat kita kuat. Boleh adik gitu adik?

**MNMR : Boleh**

**WAHWM : Beres, habis dah lah dik. Ada surat jemputan ke tadi? Saya nak satu, ada? Sebab saya nak record jugak itu untuk anugerah.**

**BAHAGIAN IX: PENUTUP**

**MNMR : Kita tutup dulu lah ya. Okay dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbagan Encik Wan Abdul Halim, disepanjang beliau berkhidmat sebagai seniman warisan veteran yang mahir dalam seni pertahanan diri iaitu Seni Silat Gayong. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberi oleh Tuan dalam menyempurnakan wawancara ini adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang perkembangan ilmu dalam seni pertahanan iaitu Seni Silat Gayong pada masa akan datang, sekian daripada kami terima kasih.**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**LOG TEMUBUAL**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**7.0 LOG TEMUBUAL**

<b>BAHAGIAN</b>	<b>MINIT</b>	<b>TOPIK</b>	<b>HURAIAN</b>
Bahagian 1	0:01:11 - 0:05:10	<b>Latar Belakang Diri</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama tokoh Wan Abdul Halim bin Wan Mamat</li> <li>• Nama samaran Pok Jik</li> <li>• Berumur 66 tahun</li> <li>• Dilahirkan di Kampung Kutan Sungai, Wakaf Bharu, Kelantan</li> <li>• Pekerjaan semasa ialah pesara Guru Besar</li> <li>• Merupakan anak sulung di dalam keluarga</li> <li>• Hobi bermain bola sepak, takraw, dan mengajar seni pertahankan diri silat gayong di gelanggang tepi rumah</li> <li>• Telah berkahwin dan dikurniakan lima [5] orang anak iaitu tiga orang [3] lelaki dan [2] orang perempuan</li> <li>• Nama isteri Suria binti Aziz</li> <li>• Pekerjaan semasa suri rumah</li> <li>• Nama anak-anak Wan Ahmad Syihan, Wan Muhammad Rasfan, Wan Muhammad Salwan, Wan Nur Awanis dan Wan Nur Sharafina</li> <li>• Mempunyai dua belas [12] orang cucu sepuluh [10] orang lelaki dan dua [2] orang perempuan.</li> </ul>
Bahagian 2	0:05:11 -	<b>Latar Belakang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Khutan</li> </ul>

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

	0:09:06	<b>Pendidikan</b>	<p>Wakaf Bharu</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sambung di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu</li> <li>• Pada peringkat tinggi, di Maktab Teknik Cheras, Kuala Lumpur</li> <li>• Bergiat aktif dalam sukan Bola Sepak, Olahraga, Karate, dan Gimnastik</li> <li>• Aktif dalam Persatuan Pengakap semasa di peringkat Sekolah Menengah</li> <li>• Mula bergiat aktif dalam seni Silat Gayong di Maktab Teknik Cheras, Kuala Lumpur</li> <li>• Mengambil jurusan Art Industry semasa di Maktab Teknik Cheras, Kuala Lumpur</li> </ul>
Bahagian 3	0:09:14 - 0:11:50	<b>Pekerjaan Awal</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai seorang Guru</li> <li>• Mengajar pada tahun tujuh puluh tujuh [77] di SMK Nipah Bachok Kelantan.</li> <li>• Mengajar selama 39 tahun 9 bulan.</li> <li>• Sudah bersara</li> <li>• Berakhir di SK Pengkalan Kubur satu [1] pada dua ribu enam belas [2016].</li> <li>• Mahir dalam asas seni pertahanan diri, Karate dan Tomoi</li> <li>• Mula mengajar Silat Gayong pada tahun sembilan puluh tujuh [97]</li> </ul>
Bahagian 4	0:11:53 -	<b>Persatuan Seni</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ditubuhkan pada tahun sembilan belas tujuh puluh</li> </ul>



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

	0:26:31	<b>Silat Gayong Negeri Kelantan</b>	<p>tujuh [1977] atau di awal tahun lapan pulun [80] an</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ditubuhkan oleh Datuk Meer Rahman bin Daim Muda Rashim dan sekarang Datuk Raja Abdul Najib bin Mohamad Isa di Gurun Kedah merupakan guru utama dipanggil Pendeta Utama Pertubuhan Seni Silat Gayong Pusaka Malaysia Negeri Kelantan</li> <li>• Mempunyai enam [6] cawangan iaitu di Wakaf Bharu, Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Kubur, dan Tanah Merah dan lain-lain</li> <li>• Menyertai persatuan ini pada tahun sembilan belas tujuh puluh lima [1975] di maktab dan pada sembilan belas lapan puluh tiga [1983] secara rasmi</li> <li>• Mempunyai dua [2] ke tiga [3] ribu orang pelajar</li> <li>• Mempunyai gelanggang sebanyak tujuh puluh [70] lebih di sekolah dan empat [4] ke lima [5] gelanggang di luar sekolah</li> <li>• Mempunyai kursus-kursus atau kempen yang berpusat atas nama pertubuhan negeri ataupun nama sekolah masing-masing</li> <li>• Persatuan ini terbuka kepada umum bukan berdasarkan kepada perkauman</li> <li>• Makna naga di dalam logo persatuan adalah sebagai binatang yang hebat di lautan dan makna keris sebagai senjata hulubalang melayu silat. Selain itu bulan dan bintang sebagai lambang islam</li> </ul>
--	---------	---	--

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Bahagian 5	0:26:40 - 1:14:45	<b>Penglibatan Dalam Industri Silat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbezaan seni Silat Gayong dan seni silat yang lain iaitu dari teknik. Silat Gayong berpaksikan kunci-kuncian, buah-buah dan sebagainya.</li> <li>• Di Kelantan, terdapat beberapa jenis silat seperti Seni Silat Halilintar, Tunggal, Gayong. Manakala di luar terdapat Seni Silat Pengkalan Cekak, Lincak dan beratus lagi.</li> <li>• Berpeluang belajar dengan Mahaguru, iaitu Dato Paduka Meor Abdul Rahman bin Uda Mohd Hashim pada tahun sembilan puluh tahun [97]</li> <li>• Bergiat aktif dalam seni Silat semenjak tahun sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977] sampai sekarang</li> <li>• Silat Gayong bermula pada tahun sembilan belas lapan puluh tiga [1983].</li> <li>• Terdapat beberapa cawangan di negeri Kelantan iaitu di Wakaf Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Kuala Krai dan Pasir Puteh.</li> <li>• Pelbagai kaedah pelajar baharu boleh menyertai Seni Silat Gayong iaitu melalui di peringkat sekolah, melalui group Whatsapp juga ada.</li> <li>• Terdapat dua jenis yuran iaitu Yuran Pendaftaran dan Yuran tahunan iaitu lima belas [15] ringgit bagi pendaftaran dan sepuluh [10] ringgit untuk bulanan</li> <li>• Di dalam silat, terdapat alatan-alatan tertentu yang digunakan untuk demonstrasi dan sebagainya seperti keris, senjata kayu, tongkat, pisau, lembing, parang</li> </ul>
------------	----------------------	---	---

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

			<p>panjang dan lain-lain</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan adalah berdasarkan bayaran bulanan yang dikutip oleh para pelajar</li> <li>• Silat ini dilaksanakan secara sukarela</li> <li>• Terdapat teknik-teknik asas dalam silat seperti teknik tumbukan dan tendekan. Terdapat juga cara tangkapan, genggam, cara tangkis pada peringkat awal. Pada peringkat kedua ada kuncian, pukulan dan main senjata.</li> <li>• Silat mengalu-alukan bermula daripada peringkat kanak-kanak rendah dan latihan akan dilakukan bersesuaian dengan fizikal</li> <li>• Terdapat juga yang berumur tiga puluh [30] an yang mengikut serta silat tetapi hanya beberapa sahaja.</li> <li>• Beliau pernah mewakili silat pada peringkat Kebangsaan sahaja tetapi dapat melahirkan pesilat bertaraf dunia yang bertanding untuk Sukan Sea, Belgium Open Championship, Silat Dunia dan banyak lagi</li> <li>• Peraturan utama dalam silat dipanggil buka gelanggang dengan membaca Al-Fatihah, QulhuAllah dan selawat sebanyak tiga [3] kali. Tujuan utama adalah untuk memartabatkan Al-Quran dan meminta jauh daripada gangguan-gangguan jin dan Syaitan. Peraturan seterusnya, tidak dibenarkan meludah bagi menjaga kebersihan gelanggang dan juga pesilat-pesilat. Kemudian</li> </ul>
--	--	--	--

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

			<p>terdapat juga peraturan di mana pesilat tidak dibenarkan bercakap ketika di gelanggang. Hal ini bagi mengelakkan daripada lalai ketika bertempuh yang akan mencederakan masing-masing dan keselamatan pesilat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Silat memerlukan disiplin yang tinggi supaya pesilat dapat fokus dalam latihan mereka. Perkara ini bukan sahaja diimplementasi dalam silat bahkan untuk sukan-sukan yang lain</li> <li>• Terdapat beberapa kategori dalam silat. Pertama sekali ialah peringkat umur yang dipanggil peringkat Dini yang terdiri daripada darjah empat [4] hingga enam [6]. Kemudian peringkat Pra-Dini adalah yang berada pada darjah tiga [3] ke bawah. Bagi peringkat remaja pulak adalah pada tingkatan empat [4], lima [5] dan enam [6] di peringkat menengah. Kemudian, bagi peringkat Sukma iaitu tujuh belas [17] hingga dua puluh satu [21] tahun. Kategori dewasa bermula pada tujuh belas [17]. Tiga puluh lima [35] dan juga empat puluh lima [45] tahun. Terdapat juga kategori veteran pada umur empat puluh lima [45] hingga enam puluh [60] tahun.</li> <li>• Untuk kategori kelas terdapat A, B dan C bagi umur dewasa ataupun Sukma. Seni silat ada juga solo kreatif, jurus tunggal, tempur, juru wajib dan lain-lain</li> <li>• Lima [5] orang anak yang pernah mewakili negeri</li> </ul>
--	--	--	--

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

			<p>dan salah seorang daripadanya iaitu Wan Rasfan pernah mewakili Malaysia. Ketika mewakili Malaysia, anaknya menghadapi kecederaan putus urat ligamen di tangan dan terpaksa tarik diri.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kebaikan dan tujuan utama mempelajari Seni Silat ini adalah yang pertama untuk bela diri, menjaga kesihatan, dan bagi yang bertanding, sijil dapat digunakan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi.</li><li>• Aktif dalam mengambil bahagian dalam sambutan Merdeka, ataupun majlis-majlis untuk membuat persembahan.</li><li>• Dalam silat, tidak ada sebarang pantang larang, hanya peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi menjaga keselamatan pesilat.</li><li>• Terdapat beberapa tingkatan bengkung dalam silat. Pertama sekali ialah ahli biasa ataupun tali pinggang hitam biasa. Selepas ujian pertama masuk tali pinggang putih, kemudian hijau, merah kosong, merah calit, kuning, dan terakhir ialah hitam</li><li>• Contohnya untuk ujian, bagi putih akan ada ujian tumbukan. Masuk hijau tendangan. Ia berdasarkan apa yang telah diajar sepanjang memegang tali pinggang berkenaan. Semakin meningkat taraf warna tali pinggang, semakin susah ujian yang dikenakan.</li><li>• Tajaan luar akan dapat jikalau dipohon untuk</li></ul>
--	--	--	--

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

			<p>membuat program yang berkenaan dari Majlis Negeri. Contohnya, pertandingan ataupun festival yang hendak dilaksanakan, permohonan boleh dibuat bagi mendapat tajaan dalam ratusan ringgit.</p>
Bahagian 6	1:14:56 - 1:21:05	<b>Sumbagan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Wan Abdul Halim menyatakan dia telah membentuk anak-anaknya sehinggakan mereka dapat bertanding di Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Antarabangsa. Beliau juga menyatakan dengan silat dapat mendisiplinkan diri sendiri dan juga keluarga</li> <li>• Beliau juga turut menyumbang dalam aktiviti membersihkan kubur dan gotong-royong. Beliau juga pernah menyumbang dalam memegang jawatan sebagai AJK Majlis Negeri, AJK Belia dan juga Pegawai DO <i>Divisional Officer Saint John Ambulance</i> di Kampung Khutan.</li> <li>• Beliau juga menegaskan sumbanganya di dalam industri perguruan dan juga terlibat di dalam aktiviti memberi sumbangan kepada mangsa banjir, ahli silat yang sakit, dan lain-lain. Selain itu beliau terlibat dalam aktiviti mengutip dan memohon dana untuk memberi kepada jurulatih dan pelajar silat yang memerlukan</li> </ul>

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Bahagian 7	1:21:05 - 1:31:12	<b>Anugerah dan Penghargaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persatuan Seni Silat Gayong Pusaka Kelantan pernah memenangi Anugerah Persatuan Cemerlang pada tahun dua ribu enam belas [2016] daripada Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan dengan membawa pulang wang tunai sebanyak enam ribu [6000] ringgit di Kota Bharu, Kelantan</li> <li>• Dikurniakan Anugerah Tokoh Sukan Negeri Kelantan di bawah Jabatan Belia Sukan Negeri</li> <li>• Dianugerahkan sebagai Pemimpin Budaya sebanyak tiga [3] kali</li> <li>• Tiga [3] kali mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di dalam bidang perguruan pada tahun sembilan belas sembilan puluh tiga [1993] dan sembilan belas sembilan puluh enam [1996]</li> <li>• Dianugerahkan sebagai Guru Cemerlang Kokurikulum oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan (JPN)</li> <li>• Juga menerima anugerah daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) hampir setiap tahun kerana menjadi guru aktif sehingga Peringkat Antarabangsa. Antara anugerah yang diberikan oleh PPD adalah Anugerah Khas dan Anugerah Juri</li> <li>• Dari segi silat beliau dikurniakan anugerah Panglima Hitam dan yang paling tinggi adalah Anugerah Laksamana Pusaka Singa Malaya</li> </ul>
------------	----------------------	---------------------------------	---

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

Bahagian 8	1:31:20 - 1:57:30	<b>Harapan /Nasihat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harapan beliau adalah supaya generasi muda jangan takut untuk belajar silat dan menegaskan bahawa belajar silat adalah satu kewajipan. Walaupun sekarang merupakan zaman moden di mana menggunakan senjata dalam peperangan tetapi beliau menegaskan silat merupakan salah satu persiapan untuk mempertahankan diri di jarak dekat.</li> <li>• Beliau juga menegaskan walaupun generasi sekarang sibuk dengan gadget, beliau berpesan jangan lupa kepada silat kerana silat merupakan warisan dan mempertahankan diri adalah mustahak</li> <li>• Selain itu beliau juga berpesan agar bersama-sama menyertai silat untuk warisan bangsa kita. Memartabatkan silat Melayu untuk masa depan dan juga untuk kepentingan diri sendiri.</li> <li>• Beliau juga berpesan agar semangat, jati diri ketahanan mental dan fizikal tidak kira tua atau muda merupakan aset penting dalam menyertai silat. Peserta silat akan berhadapan dengan kesakitan dan lenguh akibat daripada latihan yang berat.</li> <li>• Beliau juga memberikan harapan kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan agar dapat menganjurkan festival yang merangkumi semua seni pertahankan diri. Menerusi cadangan ini dapat mempromosikan silat kepada masyarakat. Beliau juga berkata untuk memfokuskan kepada generasi muda yang telah leka</li> </ul>
------------	----------------------	-----------------------------	---



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

			<p>dengan telefon pintar sehinggakan tidak melakukan aktiviti-aktiviti berfaedah yang dapat menyihatkan tubuh dan minda.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Beliau juga berharap agar generasi seterusnya dapat mewakili negara seperti anak beliau di dalam kejohanan seperti Belgium Open Championship.</li><li>• Beliau juga berharap agar ibu bapa membuka minda dan menghantar anak-anak mereka untuk menyertai silat kerana yuran yang dikenakan adalah sangat rendah.</li><li>• Seterusnya, beliau juga berharap agar seni silat ini terus berkembang di seluruh negeri Kelantan. Bagi beliau, silat sangat penting untuk membentuk jati diri, ketahanan mental dan fizikal.</li><li>• Beliau juga menceritakan pengalaman beliau di masa lalu yang nakal tetapi masih boleh berjaya kerana adanya ketahanan mental dan fizikal. Beliau menegaskan ini sangat penting bagi terus menolak kita agar pergi lebih jauh daripada kemampuan diri sendiri.</li></ul>
--	--	--	--

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**RALAT**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

## **8.0 RALAT**

Sepanjang sesi temubual ini berlangsung, terdapat beberapa masalah dan halangan yang terjadi yang tidak dapat dielakkan. Antara masalah dan halangan tersebut adalah:

1. Bunyi rakan sebaya di kawasan temubual
2. Bunyi telefon bimbit
3. Bunyi rumah di-renovate

Walaupun bagaimanapun. Semua masalah dan halangan ini tidak begitu mengganggu sesi temubual ini. Bunyi dan suara ketika temubual didengari dengan kuat dan jelas.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**HASIL KAJIAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

## **9.0 HASIL KAJIAN**

Melalui dari sesi temubual bersama Encik Wan Abdul Halim, beliau berkongsi, menjelaskan, dan merangkaikan beberapa perkara. Berikut merupakan hasil kajian yang diperoleh semasa temubual bersama Encik Wan Abdul Halim.

### **9.1 Latar Belakang Seorang Pesilat Sukarelawan**

Sebelum beliau menjadi seorang jurulatih Silat Gayong Pusaka, guru merupakan pilihan pekerjaan utama beliau pada tahun 1977 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Nipah, Bachok dan berakhir di Sekolah Pengkalan Kubor 1 pada tahun 2016. Selama 39 tahun beliau berada dalam industri perguruan.

Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat bermula mempelajari silat iaitu seni Silat Kampung pada umur 16 tahun di kawasan perkampungannya dan sambung mempelajari seni Silat Gayong di Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur. Beliau bermula mengajar ilmu Silat Gayong pada tahun 1977 hingga sekarang. Pada tahun 1983, Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia ditubuhkan dan beliau merupakan Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong di negeri Kelantan. Terdapat 6 cawangan di negeri Kelantan, iaitu di Wakaf Bharu, Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Tanah Kubur dan juga Cawangan Negeri. Bilangan pelajar yang turut serta persatuan ini adalah dalam lingkungan 2000 hingga 3000 pelajar di seluruh negeri Kelantan.

### **9.2 Dari Sektor Perguruan kepada Jurulatih Silat**

Encik Wan Abdul Halim bermula dalam sektor perguruan setelah beliau tamat pengajiannya di Teknik Kuala Lumpur. Beliau bersara setelah 39 tahun berkhidmat sebagai seorang guru, walau bagaimanapun itu tidak menghalang beliau untuk terus bergiat untuk membantu anak-

## **TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

anak kampung tempatan dalam mengajar seni silat terutamanya seni Silat Gayong. Beliau dengan sukarela membina Gelanggang Silat di persekitaran rumahnya agar dapat melaksanakan latihan-latihan silat di bawah penyeliaan beliau. Setelah bertahun-tahun perkhidmatan beliau dalam bidang silat, beliau mampu menghasilkan pesilat-pesilat bertaraf dunia sehingga mampu bertanding di pertandingan berperingkat antarabangsa seperti Sukma, Sukan Sea, Belgium Open Championship dan lain-lain. Salah seorang daripada kalangan anak beliau mampu mewakili Malaysia di bawah kejurulatihan beliau. Encik Wan Abdul Halim bertekad untuk memartabatkan seni Silat Gayong di seluruh negeri Kelantan.

### **9.3 Kebudayaan Seni Silat yang Telah Dilupakan**

Seni silat merupakan budaya yang telah lama diterapkan dalam golongan masyarakat sejak beratus tahun dahulu. Pada zaman dahulu, silat merupakan salah satu kewajiban untuk setiap keluarga masyarakat Melayu sebagai ilmu bela diri yang dapat mengekalkan keselamatan sebuah keluarga, bahkan pada era teknologi ini, seni silat semakin dilupakan oleh masyarakat terutamanya bagi golongan generasi muda. Hal ini amat menyedihkan Encik Wan Abdul Halim di mana beliau merasakan bahawa masyarakat memandang rendah serta memperlekehkan seni pertahanan diri Melayu, iaitu silat. Namun, beliau berazam agar ilmu yang dikongsikan oleh beliau kepada anak-anak muridnya dapat diperluaskan lagi ke seluruh Malaysia. Beliau berharap dengan tunjuk ajarnya dapat membuka minda masyarakat bahawa ajaran silat patut dimartabatkan lagi bukan sahaja sebagai warisan namun untuk kesihatan dan keselamatan diri.

### **9.4 Keupayaan dan Kelebihan Seni Silat Gayong**

Silat ialah sejenis seni mempertahankan diri yang menggunakan ketangkasan untuk mempertahankan diri, ia lebih dikenali dengan sebagai sukan tradisi rakyat yang melibatkan dua orang pesilat yang mahir yang bertindak untuk membela diri sama ada menggunakan senjata atau tanpa senjata. Seni silat ini dijalankan untuk persembahan ataupun untuk memilih pesilat yang terbaik. Sesiapa yang ingin menceburi Seni Silat perlulah persediaan dari segi kemahiran dan

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

ketangkasan fizikal dan mental. Seni silat adalah terbuka kepada semua kategori umur sama ada kanak-kanak, remaja, mahupun dewasa. Pembelajaran ilmu silat mampu memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat dari segi kesihatan mental dan fizikal, keselamatan diri, kekuatan jati diri dan lain-lain. Apabila seseorang individu mengambil peluang untuk menceburi dalam bidang ini, diingatkan bahawa disiplin memainkan peranan yang sangat penting. Dengan adanya disiplin, seseorang itu mampu mengharungi segala cabaran. Dengan itulah salah satu sebab, Encik Wan Abdul Halim ingin terapkan kepada masyarakat terutamanya generasi-generasi muda bahawa silat dapat melahirkan seorang insan yang mempunyai jati diri yang teguh, berdisiplin dalam menjalani kehidupan seharian, kesihatan mental yang cerdas dan fizikal yang cergas dan berpotensi tinggi kerana beliau mampu dan telah melahirkan atlet-atlet bertaraf dunia yang dapat mengharumkan nama negara mahupun budaya warisan seni silat Melayu.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**INDEKS**



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**10.0 INDEKS**

**C**

Cikgu (8,18,20,39,40,41,42,43)  
Cawangan (1,2,8,21,25,29,50,53,114,115)  
Championship (8,75,90,107,116,122,127)

**G**

Gayong (5,8,19,20,21,23,24,25,26)  
Gelanggang (28,41,52,53,55,67,71,76,81)  
Gambar (6,151)  
Gant (5,30)

**T**

Temubual (5,6,8,10,28,29,30)  
Transkrip (1,2,3,4,5,6,7,8,9,10)  
Tokoh (4,5,10,17,18,20,23,24,25)

**B**

Bidang (8,19,20,24,35,37,44,49,63)  
Biodata (4,13,17,18)  
Belgium (8,75,105,107,116,122,127)

**S**

Silat (5,6,7,8,19,20,21,23,24,25)  
Singapura (8,23)  
Seniman (1,2,3,4,5,6,7,8,9,10)  
Sejarah (1,2,8,26,33,34,37,50,51,66)  
Sumbangan (5,8,26,89,90,91,92,119)

**P**

Penghargaan (4,5,9,10,34,35,93,120)  
Pengurusan (1,2,14,16)  
Penemubual (4,13,14,15,)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**RUJUKAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

## **11.0 RUJUKAN**

Siti Haliza Yusop. (2016, May 9). *Hapus Persepsi Buruk Silat*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/05/151757/hapus-persepsi-buruk-silat>

Gayong Adat. (n.d). Sejarah & Warisan. *Selanjutnya*. <https://www.gayongadat.com/sejarah-warisan>

Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia. (n.d.). Home [Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia]. Facebook. Retrieved 25 January 2023, from <https://www.facebook.com/SilatPusakaGayong/>

*Apa Itu Silat?* (2009, June 26). PENDEKAR KELANTAN. <https://pendekarkelantan.wordpress.com/silat/>

*Kepentingan Sejarah Lisan*. (n.d.). <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.htm>

*Laman Rasmi Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia - Sejarah Gayong*. (n.d.). <https://www.gayong.com.my/index.php/sejarahgayong>

*Carian Umum*. (n.d.). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Sejarah>

*What Is History, Anyway? A Handful of Historians Explain*. (2019, October 1). ThoughtCo. <https://www.thoughtco.com/what-is-history-collection-of-definitions-171282>

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

*What is Oral Communication? Oral Communication Definition.* (2022, November 28). Wix-encyclopedia. <https://www.wix.com/encyclopedia/definition/oral-communication>

Oral History Society. (2022, March 29). *The History of Oral History - Oral History Society.* Oral History Society - Everybody's Story Matters. <https://www.ohs.org.uk/about-2/>

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**LAMPIRAN**

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT

## 12.0 LAMPIRAN

### 12.1 SURAT KEBENARAN

www.uitm.edu.my

 **Universiti  
Teknologi  
MARA** Cawangan Kelantan  
Kampus Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)  
Tarikh : 11 Disember 2022

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan

**PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN  
KELANTAN**

Bil	Nama	No. Pelajar
1	MUHAMMAD NAZMI BIN MD RADZI	2020609058
2	MUHAMMAD ADAM MUQHLIS BIN MOHD HANIFF	2020476482

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (KEPUJIAN) (IM245)**, bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **MUHAMMAD NAZMI BIN MD RADZI** di talian **01175357931**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Sekian, terima kasih.

Yang benar

**RUSLINDA RAZAK**  
Penolong Pendaftar Kanan  
b/p TIMBALAN REKTOR HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan  
Tel: (+09)976 2000/2162/2266 Faks: (+09)976 2156  
Email : trheakline@uitm.edu.my



## TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT

### 12.2 SURAT PERJANJIAN



#### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya **WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT** K/P: ...pada  
**11/1/2023** dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah  
diadakan antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti  
berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

{Nama tokoh Wan Abdul Halim Wan Mamat  
Tarikh: 11/1/2023

{Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah}  
b.p. Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**12.3 DIARI PENYELIDIKAN**

<b>NO</b>	<b>TARIKH &amp; MASA</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>CATATAN</b>
1	1/11/2022 (1400-1500)	<b>Taklimat dan penentuan tema kajian</b>	Mendapat maklumat daripada pensyarah melalui Group <i>Whatsapp</i> IMR 604
2	8/11/2022 (1400-1500)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Taklimat untuk membuat kertas kerja</b></li> <li>• <b>Mula membuat carian tokoh yang sesuai</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah memberikan taklimat ketika di dalam kelas</li> <li>• Mencari tokoh yang mempunyai kriteria yang ditetapkan melalui internet</li> </ul>
3	24/11/2022 (1600-1700)	<b>Mula menghubungi tokoh-tokoh yang dirasakan sesuai</b>	Menghubungi tokoh melalui platform <i>Whatsapp</i> dan <i>Facebook</i>
4	6/12/2022 (2000-2200)	<b>Menyenaraikan semula artis-artis legenda lain yang sesuai dan membuat pilihan kedua untuk dihubungi</b>	Melakukan pencarian maklumat tokoh di <i>Google</i> dan <i>Facebook</i>
5	7/1/2023 (1500-1600)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pembahagian tugas kertas kerja</b></li> <li>• <b>Menghubungi Encik Abdul Halim Wan Mamat</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbincang dengan pasangan group untuk pembahagian tugas kertas kerja di rumah sewa</li> <li>• Menghubungi Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat melalui <i>Whatsapp</i> dan <i>Whatsapp Call</i></li> </ul>



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

6	7/1/2023 (1500-1600)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat persetujuan daripada Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat</li> <li>• Mula membuat kertas kerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat persetujuan Encik Wan Abdul Halim melalui <i>Whatsapp Call</i> dan menyatakan beliau bersetuju untuk ditemubual</li> </ul>
7	9/1/2023 (1000-1200)	<b>Merangka dan menyiapkan soalan untuk temu bual</b>	Soalan yang dicipta berteraskan orientasi, umum, dan spesifik ataupun khusus
8	10/1/2023 (1100-1200)	<b>Membuat perundingan dengan pensyarah tentang soalan yang telah dirangka</b>	Perundingan atau rujukan dilakukan ketika waktu lapang di bilik pensyarah
9	10/1/2023 (1700-2200)	<b>Memilih dan menetapkan tajuk</b>	Berbincang di rumah sewa
10	10/1/2023 (1700-2200)	<b>Menyediakan surat kebenaran untuk melakukan penyelidikan</b>	Meminta surat kebenaran daripada pensyarah melalui aplikasi <i>Whatsapp</i>
11	10/1/2023 (1700-2200)	<b>Menyediakan surat perjanjian Tokoh dengan pihak Universiti</b>	Mencetak surat perjanjian
12	11/1/2023 (1000-1200)	<b>Menemubual Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat</b>	Temubual diadakan di rumah kediaman Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat di Wakaf Bharu, Kelantan.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**12.4 SOALAN TEMUDUGA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni pertahanan diri iaitu seni silat gayong. Bersama- sama kami ialah Encik Wan Abdul Halim Bin Wan Mamat yang merupakan seorang seniman warisan veteran yang mahir dalam seni pertahanan diri silat gayong. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 Januari 2023 bersamaan dengan hari rabu pada pukul 10 pagi bertempat di kediaman Encik Wan Abdul Halim bin Wan Mamat di Wakaf Bharu, Kelantan . Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Nazmi dan Muhammad Adam Muqhlis. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**A) DIRI SENDIRI**

1. Boleh Encik berikan nama penuh Encik?
2. Adakah Encik mempunyai nama samaran?
3. Berapakah umur Encik?
4. Di manakah Encik dilahirkan dan dibesarkan?
5. Apakah pekerjaan semasa Encik?
6. Di manakah Encik tinggal?
7. Boleh kami tahu Encik anak yang ke berapa dalam keluarga?
8. Adakah encik mempunyai hobi di masa lapang?
9. Adakah Encik telah berkahwin?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

10. Siapakah nama isteri Encik?
11. Adakah isteri Encik mempunyai pekerjaan ataupun seorang suri rumah?
12. Berapa orang anak yang telah Encik kurniakan?
13. Siapakah nama anak-anak Encik?
14. Adakah Encik mempunyai cucu?

**B) LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

15. Di manakah Encik mendapat pendidikan peringkat awal?
16. Apakah pencapaian terbaik Encik di peringkat persekolahan?
17. Adakah Encik bergiat aktif dalam kegiatan akademik dan sukan di peringkat sekolah?
18. Adakah Encik telah bergiat aktif dalam seni Silat Gayong semenjak dari peringkat sekolah?
19. Adakah Encik melanjutkan pengajian selepas tamat sekolah menengah?
20. Di manakah Encik melanjutkan pelajaran?
21. Apakah jurusan yang diceburi?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**C) PEKERJAAN AWAL**

22. Sebelum Encik menceburi bidang ini, adakah Encik pernah menceburi bidang lain di alam pekerjaan?
23. Di manakah Encik bekerja?
24. Berapa lamakah Encik bekerja di industri tersebut?
25. Pada tahun bilakah Encik memulakan pekerjaan itu?
26. Adakah Encik mempunyai kemahiran ataupun bakat lain selain daripada seni pertahankan diri?
27. Adakah Encik sekarang masih menceburi dalam bidang tersebut ataupun Encik memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap Silat Gayong?

**D) PERSATUAN SILAT GAYONG NEGERI KELANTAN**

28. Pada tahun bilakah persatuan ini ditubuhkan?
29. Siapakah pengasas kepada persatuan Silat Gayong Negeri Kelantan?
30. Boleh Encik kongsikan sejarah penubuhan Persatuan Silat Gayong Negeri Kelantan?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

31. Boleh kami tahu berapa orang tenaga pengajar yang ada di dalam persatuan ini?
32. Bagaimana pula dengan bilangan pelajar yang sedia ada?
33. Boleh Encik kongsi aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh persatuan Silat Gayong Negeri Kelantan?
34. Adakah persatuan ini dibuka kepada umum ataupun mempunyai kriteria tertentu?
35. Sekarang kita beralih kepada logo Seni Silat Gayong, boleh Encik ceritakan apakah maksud naga di dalam logo tersebut?
36. Apakah maksud dua keris bersilang di dalam logo tersebut?
37. Boleh kami tahu tentang bulan dan bintang di dalam logo Persatuan Seni Silat Gayong?
38. Seterusnya, apakah maksud harimau yang berada di tengah logo itu?

**E) PENGLIBATAN DALAM INDUSTRI SILAT**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

39. Okay, sekarang kita beralih kepada penglibatan Encik dalam industri pertahanan diri iaitu Seni Silat Gayong. Boleh Encik kongsi di manakah Encik mempelajari seni pertahanan diri ini?
40. Adakah Encik pernah mengikuti seni pertahanan diri lain selain daripada Silat Gayong?
41. Apakah yang membezakan Silat Gayong dengan silat yang lain?
42. Selain daripada seni Silat Gayong, boleh Encik kongsi apa lagi jenis silat yang ada?.
43. Boleh Encik kongsi jenis silat apa yang Encik mahir selain daripada Silat Gayong?
44. Apa yang menyebabkan Encik meminati bidang ini?
45. Adakah Encik mempunyai pengalaman manis di zaman Encik menuntut ilmu dalam seni pertahanan diri?
46. Bolehkah Encik kongsi tentang guru-guru Encik yang mengajar Encik dalam seni pertahanan diri silat ini?
47. Apakah yang menyebabkan Encik meminati seni pertahanan diri?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

48. Siapakah yang memainkan peranan di dalam pembabitan

Encik dalam bidang ini?

49. Di manakah Encik memulakan perjalanan sebagai ahli

pertahanan diri?

50. Sudah berapa tahun Encik bergiat aktif dalam bidang

ini?

51. Bolehkah Encik berkongsi tentang sejarah Silat Gayong

di Negeri Kelantan?

52. Adakah Encik pernah melakukan persembahan silat

seperti di majlis-majlis tertentu?

53. Apakah kenangan manis Encik dalam bidang ini?

54. Bolehkah Encik ceritakan kenangan pahit dalam

menceburi bidang ini?

55. Berapa lama Encik mengambil masa untuk mahir dalam

seni Silat Gayong?

56. Adakah seni ini masih mendapat perhatian daripada

masyarakat dari penduduk tempatan?

57. Boleh Encik kongsi bagaimana cara masyarakat

tempatan ingin mempelajari seni Silat Gayong?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

58. Adakah yuran yang dikenakan tinggi untuk mempelajari seni Silat Gayong?
59. Adakah seni pertahanan diri silat ini memerlukan alatan-alatan tertentu?
60. Adakah Encik mempunyai pendapatan sebagai seorang ahli Silat Gayong?
61. Boleh Encik ceritakan mengenai teknik-teknik yang ada dalam Silat Gayong?
62. Pada pendapat Encik, adakah kanak-kanak sesuai menceburi seni Silat Gayong?
63. Adakah Encik merupakan salah seorang pengajar dalam seni Silat Gayong?
64. Adakah Encik pernah menyertai organisasi silat lain di Kelantan?
65. Adakah Encik pernah menyertai pertandingan silat?
66. Boleh Encik kongsi tentang peraturan-peraturan silat yang umum?
67. Pada pendapat Encik, adakah seni Silat Gayong memerlukan disiplin yang tinggi?



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

68. Boleh Encik ceritakan apakah yang membuat seni silat ini memerlukan disiplin yang tinggi?
69. Apakah jenis-jenis latihan yang dilakukan dalam mempelajari seni Silat Gayong?
70. Berdasarkan kajian kami, pertandingan silat mempunyai pelbagai kategori ataupun kelas. Boleh Encik terangkan dengan lebih mendalam?
71. Boleh Encik kongsi kategori/kelas apa yang Encik pernah ceburi?
72. Adakah anak-anak Encik juga berminat dalam bidang ini?
73. Boleh Encik kongsi adakah Encik pernah cedera dalam mengamalkan seni Silat Gayong?
74. Apakah jenis-jenis kecederaan tersebut?
75. Bolehkah Encik terangkan kebaikan mempelajari seni Silat Gayong?
76. Selain itu, boleh Encik kongsi tentang keluasan gelanggang silat?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

77. Adakah kerajaan negeri Kelantan sering mengadakan Festival Kebudayaan bagi mengangkat seni Silat Gayong kepada masyarakat umum?
78. Adakah dalam mempelajari seni Silat Gayong mempunyai pantang larang?
79. Jika ya, apakah pantang larang tersebut?
80. Apakah jenis seni silat yang banyak dipelajari oleh masyarakat di penduduk Kelantan?
81. Adakah Encik masih mahu mempelajari jenis silat yang lain?
82. Boleh Encik kongsikan Tingkatan Bengkung dalam seni silat Gayong?
83. Adakah persatuan silat negeri Kelantan mendapat tajaan daripada pihak tertentu?
84. Boleh Encik kongsikan, berapa lama bagi seseorang individu untuk mahir dalam seni Silat Gayong?

**F) SUMBANGAN**

85. Boleh Encik ceritakan apakah sumbangan Encik dalam industri ini terhadap keluarga, masyarakat dan negara?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

86. Apakah sumbangan Encik di luar bidang seni silat contohnya seperti Encik menyertai pernah menunaikan aktiviti kebajikan atau lain-lain?
87. Adakah Encik bergiat aktif dalam mempromosikan seni pertahanan diri iaitu Silat Gayong di luar negara?
88. Adakah sumbangan Encik dalam bidang silat ini, banyak ke arah negeri Kelantan ataupun sebaliknya?

**G) ANUGERAH DAN PENGHARGAAN**

89. Adakah persatuan Silat Gayong negeri Kelantan pernah menerima anugerah?
90. Adakah Encik pernah menerima anugerah di atas penglibatan Encik dalam bidang ini?
91. Adakah Encik mempunyai sokongan yang padu daripada keluarga Encik dalam menceburi bidang ini?
92. Apakah yang membakar semangat Encik dalam memartabatkan seni Silat Gayong sehingga Encik mampu berkongsi ilmu ini kepada orang lain?
93. Jika Encik ingin memberi penghargaan terhadap individu yang memupuk minat Encik dalam industri ini,

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

kepada siapakah Encik ingin sampaikan penghargaan tersebut?

94. Boleh Encik ceritakan bagaimana Encik mendapat jawatan sebagai yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Gayong Pusaka bahagian Negeri Kelantan?

**H) HARAPAN**

95. Boleh encik kupaskan apakah harapan Encik terhadap generasi muda pada zaman ini tentang silat Gayong?
96. Apakah nasihat kepada generasi muda yang ingin menceburi bidang ini?
97. Jika seseorang individu ingin mempelajari seni Silat Gayong, apakah yang harus dilakukan oleh mereka agar seni ini terus berkembang?
98. Apakah harapan Encik kepada pihak kerajaan negeri dalam memartabatkan seni pertahanan diri?
99. Apakah harapan Encik dalam seni pertahanan iaitu Silat Gayong di masa hadapan?

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

100.       Apakah nasihat Encik kepada generasi muda  
          yang berminat tetapi tidak berkeyakinan diri untuk  
          mempelajari ilmu silat ini?

**PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Wan Abd Halim di sepanjang berkhidmat sebagai seniman warisan veteran yang mahir dalam seni pertahanan diri iaitu Silat Gayong. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni pertahanan diri iaitu silat gayong pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**

**12.5 GAMBAR**



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK WAN ABDUL HALIM BIN WAN MAMAT**



